# PELITA BRUNEI
ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA berjayalah orang yang mensucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syams, ayat 9 - 10

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.38 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 68 BILANGAN 100 | 21 OGOS 2023 / 1445 صفر 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

# BERKENAN TERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN 20 KETUA PERWAKILAN ASING



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Brazil ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ary Norton de Murat Quintella. - Foto : Mohd Sahrizal Haji Said (*Lihat muka 3, 4 dan 5*).


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama




DOA Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak Sekolah Arab Temburong Muka 8



MEMANTAPKAN penguasaan, kemahiran penterjemahan Muka 10



GEMBLENG tenaga banteras gejala penyalahgunaan, pengedaran dadah Muka 12




MAKANAN beku anak damit jana pendapatan Muka 20

# Penangkapan buaya secara proaktif dipertingkatkan

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Ogos. - Program Tangkap Buaya Bersama (PTBB) merupakan program berunsurkan penglibatan masyarakat atau *community engagement* yang melibatkan operasi penangkapan buaya secara proaktif dengan kerjasama antara Pasukan Bertindak, Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan dan penduduk Kampong Ayer melalui penyelarasan ketua-ketua zon, mukim dan kampung.

Ia dengan menggunakan kaedah pemasangan jail berpandukan kepada lokasi-lokasi yang sering ada kenampakan keberadaan buaya serta aduan dengan bantuan penduduk kampung setempat bagi memantau jail yang dipasang.

Pelaksanaan program tersebut diadakan pagi tadi di Kampung Tamoi Ujung, Mukim Tamoi, Zon 1 Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pemasangan jail PTBB ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Turut hadir bagi menyaksikan pelaksanaan program berkenaan, Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; wakil Jabatan DBM, Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Zon 1 dan Zon 2; serta pegawai-pegawai kanan kerajaan, kakitangan dari Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan dan juga para penduduk kampung.

>> Muka 7

# Da'ie berperanan membentuk masyarakat harmoni

Oleh : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menekankan pentingnya peranan da'ie dalam membentuk dan membina masyarakat yang harmoni.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat juga menegaskan kepentingan dakwah yang disampaikan adalah dakwah yang berimpak memelihara keharmonian beragama sama ada di kalangan masyarakat Islam mahupun masyarakat senegara yang antaranya tergolong rakyat dan penduduk yang bukan beragama Islam.

>> Muka 6

# Tingkatkan keimanan, jauhi fitnah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**MUARA**, Ahad, 20 Ogos. - Dunia pada hari ini penuh dengan perkara luar biasa yang berlaku sehingga merasakan bahawa hampir berlakunya hari kiamat. Ini menunjukkan kepada kita bahawa umat yang hidup di akhir zaman akan berdepan dengan pelbagai ujian, fitnah dan cubaan yang cukup mencabar.

Hanya dengan keimanan yang teguh serta dengan ilmu yang betul sahaja akan menyelamatkan kita semua daripada ujian, fitnah dan cubaan ini.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-'Asr yang maksudnya : *"Demi Masa (1) Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian (2) Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar (3)".*

Adapun masa atau waktu yang berlalu dengan pantas atau cepat adalah termasuk di dalam tanda-tanda hampir berlakunya kiamat. Masa terasa begitu pantas adalah disebabkan hilangnya keberkatan (di dalam kehidupan), sedikitnya amalan untuk akhirat, membuang waktu pada perkara yang tidak penting dan berfaedah sehingga tiada lagi nilainya.

>> Muka 7

# Penerima biasiswa merupakan pemimpin penjagaan kesihatan masa hadapan



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Penandatanganan bagi Program Biasiswa Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dalam 'Membina Tenaga Kerja Masa Depan dalam Penjagaan Kesihatan' yang berlangsung di Pantai Jerudong Specialist Centre, pada Jumaat, 28 Julai 2023.**

**ALHAMDULILLAH**, sukacita kita dapat berkumpul dengan semua di sini pada hari ini untuk menandakan satu peristiwa penting dalam JPMC. Di JPMC, kami telah menyaksikan begitu banyak perkara yang hebat sejak beberapa tahun lalu. Dan hari ini tidak terkecuali, saya berbesar hati untuk mengalu-alukan anda semua ke perasmian Program Biasiswa JPMC kami dalam "Membina Tenaga Kerja Masa Depan dalam Penjagaan Kesihatan".

Ini adalah acara penting yang melambangkan komitmen JPMC ke arah memperkasakan belia Negara kita dan melabur ke arah masa depan yang lebih cerah untuk penjagaan kesihatan. Permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan semakin meningkat, dan landskap kesihatan global berkembang pesat. Matlamat kami bukan sahaja untuk menangani permintaan ini tetapi juga untuk membangunkan pemimpin penjagaan kesihatan yang akan mengetuai tanggungjawab dalam berinovasi, dan meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan.

Saya berkehendakkan untuk kita mengiktiraf komitmen itu pada hari ini bahawa melalui program Biasiswa JPMC, kita berhasrat untuk memberi ganjaran kepada pelajar yang boleh dicontohi dengan semangat dalam bidang penjagaan kesihatan.

Melalui saluran ini, JPMC komitmen untuk memperkasa belia negara dan melabur ke arah masa depan yang lebih cerah dalam penjagaan kesihatan dengan memberi kemudahan pembiayaan untuk pendidikan berterusan dan program pensijilan yang akan menjadi batu loncatan dalam pembangunan profesional mereka. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, setelah berjaya menamatkan pengajian, para penerima akan memulakan kerjaya profesional mereka dengan JPMC.

Tahun ini, para biasiswa JPMC terdiri daripada mereka yang bercita-cita menjadi profesional Kejururawatan yang percaya kejururawatan bukan sekadar kerjaya. Ia adalah satu seruan dan juga belas kasihan yang mendalam untuk melayani orang lain.

Para biasiswa JPMC akan mendaftar di Kolej Sains Kesihatan JPMC pada Ogos ini. Bersama-sama ini kami juga komited untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia dan memupuk persekitaran untuk membolehkan mereka muncul sebagai pemimpin dan pelopor dalam bidang masing-masing.

Alhamdulillah, melalui proses penilaian yang teliti, kami telah memilih yang terbaik daripada yang terbaik. Adalah menjadi hak istimewa saya untuk mengucapkan tahniah kepada lima individu yang cemerlang yang telah dianugerahkan Biasiswa JPMC. Setiap daripada mereka menunjukkan potensi yang luar biasa; kecemerlangan dalam akademik, dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi kepada kerjaya penjagaan kesihatan. Tidak lupa, ibu bapa dan penjaga mereka, yang hadir hari ini, atas sokongan dan kasih sayang yang berterusan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya turut mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tulus kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis yang penting ini. Pelancaran Program Biasiswa JPMC kami mewakili usaha kolektif dan visi bersama untuk masa depan penjagaan kesihatan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pasukan Pembelajaran dan Pembangunan kami di bawah Jabatan Sumber Manusia dan Pasukan Kejururawatan. Usaha dan kepakaran mereka dalam menyusun penilaian yang direka dengan baik telah memainkan peranan penting dalam mengenal pasti bakat paling cemerlang. Bersama-sama, usaha kerjasama mereka telah meningkatkan inisiatif ini ke tahap yang lebih tinggi, mengukuhkan komitmen organisasi untuk kecemerlangan dalam penjagaan dan pendidikan.

Sekali lagi, terima kasih kepada anda semua kerana menyerikan acara ini, dan saya mengucapkan selamat maju jaya kepada para penerima biasiswa JPMC kami. Ingat, tetap tabah dan jangan pernah berhenti belajar! Semoga para biasiswa JPMC menjadi pemangkin kepada era baharu kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan.

**BERSAMA-sama ini kami juga komited untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia dan memupuk persekitaran untuk membolehkan mereka muncul sebagai pemimpin dan pelopor dalam bidang masing-masing.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OGOS MASIHI | HARI | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21 | ISNIN | 4 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.39 | 12.25 | 3.38 | 6.31 | 7.42 |
| 22 | SELASA | 5 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.38 | 12.24 | 3.37 | 6.31 | 7.42 |
| 23 | RABU | 6 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.38 | 12.24 | 3.36 | 6.31 | 7.41 |
| 24 | KHAMIS | 7 | 4.47 | 4.57 | 6.16 | 6.38 | 12.24 | 3.35 | 6.30 | 7.41 |
| 25 | JUMAAT | 8 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.24 | 3.35 | 6.30 | 7.40 |
| 26 | SABTU | 9 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.34 | 6.29 | 7.40 |
| 27 | AHAD | 10 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.33 | 6.29 | 7.39 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 29 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 29 / 25 °C | 31 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 29 / 25 °C | 31 / 24 °C | 31 / 26 °C |
| Kuala Belait | 29 / 24 °C | 30 / 24 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

21 OGOS 2023

# Manfaatkan cuti sekolah

**MUSIM** cuti penggal kedua persekolahan yang dinanti-nantikan sudah tiba. Sudah setentunya pelbagai rancangan, aktiviti telah disusun bagi mengisi sepanjang cuti persekolahan yang berlangsung selama dua minggu bermula 21 Ogos 2023 hingga 3 September 2023.

Dengan zaman yang serba moden dan canggih, generasi pada masa ini lebih cenderung menggunakan teknologi untuk mengisi lapang mereka seperti telefon pintar, tablet, komputer dan sebagainya.

Ibu bapa memainkan peranan yang besar untuk menjalankan tanggungjawab dengan bijak dalam mengisi atau menggalakkan masa lapang anak-anak dengan pelbagai perkara yang bermanfaat dan bukan membiarkan mereka asyik dan leka dengan permainan *online* dalam telefon pintar.

Oleh itu, para ibu bapa khususnya perlu bijak merancang aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan ilmiah untuk anak-anak mereka dan ini menjadikan anak-anak mereka terus proaktif sepanjang cuti persekolahan.

Aktiviti-aktiviti menarik tetapi berilmiah ini seperti melawat-lawat tempat bersejarah di negara kita dan aktiviti beriadah sambil meneroka tempat-tempat menarik.

Para ibu bapa juga perlu menyerapkan pengertian silaturahim dengan membawa anak-anak menziarahi ahli-ahli keluarga, bersyukur dan mendorong mereka melakukan kerja-kerja kemasyarakatan dengan kegiatan berkumpulan atau bergotong royong membersihkan kawasan sekitar kampung yang sering dianjurkan oleh majlis-majlis perundingan kampung di seluruh negara.

Dengan aktiviti seumpama ini, ia dapat memupuk nilai bertanggungjawab kepada anak-anak dengan menjaga kebersihan kampung serta menjaga alam sekitar agar ia tidak tercemar dengan sampah-sarap.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan juga menekankan pelancongan domestik dan *staycation* dengan menyokong pelbagai inisiatif oleh penyedia pakej pelancongan domestik.

Dengan pelancongan domestik ini, kita dapat sama-sama menyokong penyedia aktiviti-aktiviti riadah tempatan sambil mengeratkan hubungan silaturahim antara keluarga.

Ibu bapa juga diingatkan supaya memanfaatkan waktu cuti persekolahan ketika ini bagi mendidik anak-anak dengan aktiviti yang berfaedah, agar tidak lalai dengan perkara yang tidak sihat dan merugikan diri sendiri.

Dalam kesibukan melakukan aktiviti bersama anak-anak, para ibu bapa dan ahli keluarga adalah diingatkan untuk sentiasa menjaga keselamatan anak masing-masing, terutama yang masih kecil, menjaga persekitaran dengan bersih, berbelanja dengan bijak dan memandu dengan berhati-hati serta bertolak ansur.

**- Ketua Penyuntingan (Kr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنرڠن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله فرينت فلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berkenan terima Surat Tauliah Pelantikan 20 Ketua Perwakilan Asing



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Mexico ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Agustin Garcia Lopez Loaeza.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Denmark ke NBD, Puan Yang Terutama Sandra Jensen Landi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada seramai 20 Ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

**>> Muka 4**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke NBD, Tuan Yang Terutama Ragai Tawfik Said Nasr (kiri sekali) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ukraine ke NBD, Puan Yang Terutama Kateryna Zelenko (kiri).**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Guatemala ke NBD, Tuan Yang Terutama Maynor Jacobo Cuyun Salguero (kanan).**

**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Peru ke NBD, Tuan Yang Terutama Ricardo Estanislao Morote Canales (bawah).**









**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Mongolia ke NBD, Tuan Yang Terutama Enkhbayar Sosorbaram (atas).**

**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Norway ke NBD, Tuan Yang Terutama Morten Paulsen (kiri).**





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Comoros ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Charif Maoulana (kiri sekali) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland ke NBD, Tuan Yang Terutama Frank Othmar Grutter (kiri).

>> Muka 3

Para Ketua Perwakilan Asing terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Brazil ke NBD, Tuan Yang Terutama Ary Norton de Murat Quintella; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Mexico ke NBD, Tuan Yang Terutama Agustin Garcia Lopez Loaeza; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Denmark ke NBD, Puan Yang Terutama Sandra Jensen Landi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke NBD, Tuan Yang Terutama Ragai Tawfik Said Nasr; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ukraine ke NBD, Puan Yang Terutama Kateryna Zelenko; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Guatemala ke NBD, Tuan Yang Terutama Maynor Jacobo Cuyun Salguero; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Mongolia ke NBD, Tuan Yang Terutama Enkhbayar Sosorbaram; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Peru ke NBD, Tuan Yang Terutama Ricardo Estanislao Morote Canales; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Norway ke NBD, Tuan Yang Terutama Morten Paulsen; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Comoros ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Charif Maoulana; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland ke NBD, Tuan Yang Terutama Frank Othmar Grutter; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Cote d'Ivoire ke NBD, Tuan Yang Terutama Eugéne Allou Biti; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Marshall Islands ke NBD, Tuan Yang Terutama Alexander Carter Bing; Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius ke NBD, Tuan Yang Terutama Jagdishwar Goburdhun, G.O.S.K.; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Dominican ke NBD, Tuan Yang Terutama Federico Alberto Cuello Camilo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Sepanyol ke NBD, Tuan Yang Terutama José Luis Pardo Cuerdo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Poland ke NBD, Tuan Yang Terutama Krzysztof Dobrowolski; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Nepal ke NBD, Tuan Yang Terutama Dilli Raj Poudel; Pesuruhjaya Tinggi Republik Maldives ke NBD, Tuan Yang Terutama Ali Hussain Didi; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Nicaragua ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohamed Mohamed Farrara Lashtar.

>> Muka 5





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Marshall Islands ke NBD, Tuan Yang Terutama Alexander Carter Bing (kiri).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Cote d'Ivoire ke NBD, Tuan Yang Terutama Eugéne Allou Biti (atas).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Mauritius ke NBD, Tuan Yang Terutama Jagdishwar Goburdhun, G.O.S.K. (kanan).







KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Dominican ke NBD, Tuan Yang Terutama Federico Alberto Cuello Camilo (atas).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Sepanyol ke NBD, Tuan Yang Terutama José Luis Pardo Cuerdo (kiri sekali) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Poland ke NBD, Tuan Yang Terutama Krzysztof Dobrowolski (kiri).

**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Nepal ke NBD, Tuan Yang Terutama Dilli Raj Poudel (kanan) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Maldives ke NBD, Tuan Yang Terutama Ali Hussain Didi (kanan sekali).**





**>> Muka 4**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baru menyampaikan Surat-surat Tauliah Pelantikan berkenaan.

Turut hadir di majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.



**KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Nicaragua ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohamed Mohamed Farrara Lashtar (atas).**







**KEBAWAH DYMM ketika berkenan menerima mengadap dan beramah mesra bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baharu (atas, kiri dan kiri sekali).**



**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD yang baru dilantik.**

# DA'IE BERPERANAN MEMBENTUK MASYARAKAT HARMONI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0.

>> Muka 1

Oleh : Aimi Sani
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Menteri Hal Ehwal Ugama menekankan perkara tersebut pada Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0 yang diadakan di Dewan Auditorium, Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar.

Memetik firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam ayat 125 dalam Surah an-Nahl, Yang Berhormat menyatakan, terdapat tiga kaedah terbaik untuk berdakwah iaitu pertama, penyampaian dakwah hendaklah secara berhikmah, bijaksana memahami suasana dan keadaan di samping mengetahui tentang khalayak dan sasaran dakwah.

Kedua tambah Yang Berhormat, secara *al-mau'izah al-hasanah* iaitu menggunakan bahan-bahan yang berupa pengajaran, peringatan yang baik, dengan penyampaian yang boleh membangkitkan keinsafan. Bukan sebaliknya, apabila yang mendengar atau mengikuti sisi dakwah akan ragu atau serba salah untuk menerima.

"Ketiga, jika dalam keadaan yang memerlukan perbahasan tentang perkara yang didakwahkan, maka pesan Allah ialah *wajadilhum billati hia ahsan*, yakni hendaklah dibawakan keterangan atau dalil yang terbaik menolak dalil atau keterangan daripada pihak yang menimbulkan perbahasan itu. Bukan dengan sentimen yang setentunya akan mengundang perbahasan yang tidak sihat, saling menyalahkan yang membawa kepada pertelingkahan yang berterusan, menghilangkan keharmonian hidup di kalangan masyarakat terutama masyarakat yang berlainan ugama."

"Maka para da'ie hendaklah tidak terbawa-bawa atau membawa khalayaknya ke arah suasana dan keadaan yang tidak harmoni itu".

"Dengan itu dalam mengajarkan ajaran Allah sambil menyeru dan mengajak untuk mengikuti dan mengamalkannya, memang akan dialami perbezaan pendapat dan fahaman, terutama sekali dengan khalayak yang memang berlainan akidah atau yang disebut berlainan ugama," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan kepercayaan bahawa, hal yang penting ini telah juga dihuraikan dengan lebih jelas oleh mentor-mentor dalam Program Akademi Da'wah yang dianjurkan sudah ke edisinya yang ke-4.0 ini.

Yang Berhormat turut menegaskan, dalam mengaplikasikan tiga kaedah berdakwah itu hendaklah dengan beretika atau berakhlak mulia.






## Akademi Da'wah 4.0 : Memantapkan perjalanan dakwah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 20 Ogos. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Urus Setia Program Keagamaan Belia dengan kerjasama Badan Sukarelawan Belia Da'ie mengadakan Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 4.0 yang bertemakan 'Da'ie Berimpak, Membangun Masyarakat', berlangsung di Dewan Auditorium, Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turu hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh peserta Akademi Da'wah 4.0, Muhammad Nur' Alim bin Abdullah Nordin dan 'Ibrah pula disampaikan oleh Dayang Nurliya Syamimi binti Muhammad Nazirul Ezwan, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Akademi Da'wah 4.0, Awang Muhammad Fuad bin Matahir.

Dalam ucapannya, Awang Muhammad Fuad melahirkan harapan agar peserta akan terus maju jaya dan mempraktikkan apa yang telah dipelajari sepanjang program ini dan berharap dakwah akan terus berjalan dengan mantap dengan adanya para peserta yang mempunyai potensi masing-masing untuk membangun masyarakat.

Acara kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan seterusnya penutupan rasmi Akademi Da'wah 4.0, dikuti dengan tayangan video ristaan sepanjang Program Akademi Da'wah 4.0.

Sepanjang program diadakan, para peserta dari pelbagai bidang pendidikan dan institusi berkongsi pengalaman dan strategi bagi membina impak positif dalam masyarakat.

Kuliah dan sesi bengkel perbincangan mewujudkan platform bagi para peserta untuk belajar meningkatkan ilmu pengetahuan ugama, memperbaiki akhlak melalui aktiviti-aktiviti tarbiyah da'ie, memperbaiki kemahiran komunikasi dan kepimpinan daripada pihak-pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga diberi pendedahan kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh da'ie-da'ie terkemuka zaman terdahulu dan masa kini.

Bagi mengiktiraf usaha dan komitmen para peserta Akademi Da'wah 4.0, penganugerahan juga diberikan kepada peserta yang menonjol dalam 8 standard yang ditetapkan, iaitu Kefahaman dan Hafalan Al-Quran; Akhlak, Tarbiyah Da'ie dan Aktiviti Media secara individu; Kepimpinan, Proaktif dan Kerjasama; Cabaran mendapatkan mad'u berkualiti; Cabaran Media Sosial secara berkumpulan dan Cabaran Khidmat Masyarakat secara berkumpulan.

Penganugerahan Kumpulan Terbaik Muslimin diberikan kepada Kumpulan Mujtahidun manakala Kumpulan Terbaik Muslimat diberikan kepada Kumpulan Legasi Hawa. Seterusnya penganugerahan Da'ie Aspirasi disandang oleh Dayang Nurilya Syamimi binti Muhammad Nazirul Ezwan.

Manakala, Anugerah Da'ie Muslim Terbaik disandang oleh Awang Mohammad Norhadi Yusof @ Yusren bin Abdullah dan Anugerah Da'ieyah Muslimah Terbaik disandang oleh Dayang Nur Izzy Aziah binti Ahmad.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada para penceramah dan penyampai undangan dan para penaja.

Acara turut diserikan dengan persembahan syair bertajuk 'Salam Sayang' daripada peserta Akademi Da'wah 4.0.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Mohammad Nasyith bin Superi.

Tetamu kehormat turut menyaksikan pameran daripada para peserta yang diraikan.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah-Pengarah di KHEU dan pegawai-pegawai serta kakitangan PDI; pensyarah-pensyarah undangan daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Universiti Brunei Darusalam; para mentor dan aktivis Program Keagamaan Belia di bawah KHEU; para peserta Akademi Da'wah 4.0 bersama para ibu bapa.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

# TINGKATKAN KEIMANAN, JAUHI FITNAH



TURUT sama-sama menyemarakkan Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

"Oleh itu sebagai umat Islam, kita perlu mengambil iktibar tentang waktu yang dilalui pada hari ini merupakan sisa baki kehidupan yang perlu diisikan dengan amalan-amalan salih agar beroleh keberkatan dalam umur yang dikurniakan".

Perkara tersebut antara yang telah disampaikan di dalam Tazkirah bertajuk 'Masa Itu Singkat' oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah (Ceramah), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, bagi menyemarakkan Malam Munajat kali ke-99 anjuran KHEU dari Masjid Kampung Salambigar.

Acara Munajat malam semalam turut mengundang tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, dari Masjid Kampung Lumapas yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Turut sama-sama menyemarakkan Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Mengimarahkan lagi acara Munajat semalam ialah Persatuan Saudara Baru Daerah Temburong (PESAT); nazir-nazir dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam (JPI); Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jemaah Masjid Kampung Lumapas; Masjid Kampung Bengkurong; Masjid Kampung Salambigar; Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong serta daripada masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat yang keseluruhannya sebanyak 95 buah di seluruh negara.

Juga tidak ketinggalan menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, acara Munajat diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Nazir Khas, JPI, KHEU, Awang Amerul Shah bin Awang Haji Besar, dari Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kuala Belait.

Diikuti Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Ketua Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Haji Awang Mohamad Raimi bin Awang Tengah, dari Masjid Kampung Bengkurong.

Sejurus selesai Tazkirah, bacaan Selawat Ibrahimiyyah dipimpin oleh Ketua Keugamaan PESAT, Awang Muhd Muhaimin bin Muhd Zulkifli dari Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong.

Bagi memberkati acara Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Imam Masjid Kampung Lumapas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohd. Azre bin Haji Ashli, dari Masjid Kampung Lumapas.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan kerohanian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya termasuk COVID-19.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau *www.facebook.com/pdi.kheu/*.

# 145 pegawai, anggota pangkat rendah PPDB terima PKLP

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Ogos. - Seramai 145 orang pegawai dan anggota pangkat rendah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerima Pingat Kerja Lama Polis (PKLP) pada Majlis Penyerahan yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat, PPDB, Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan serta para penerima pingat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar dan kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian pingat-pingat kepada para penerima yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Penganugerahan pingat berkenaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para penjawat awam yang telah berkhidmat selama 20 tahun.

Di samping mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, pengiktirafan ini juga dapat meningkatkan semangat dan menyuntik motivasi para warga polis untuk terus mencurahkan bakti pada kerajaan dan juga negara.



PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Pingat-pingat kepada penerima.

# Penangkapan buaya secara proaktif dipertingkatkan





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa bergambar beramai pada program tersebut (atas). Sementara gambar atas kanan, Setiausaha Tetap KSSUP semasa mendengarkan penerangan pada Program Tangkap Buaya Bersama.

>> Muka 1

Program itu dikendalikan oleh Pasukan Bertindak, Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Zon 1 dan Zon 2, yang diketuai oleh Penghulunya, Awang Raimi bin Awang Rashid dan Majlis Perundingan Kampung Tamoi yang diketuai oleh Awang Haji Tarif bin Haji Asgar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan Doa Selamat diikuti dengan taklimat ringkas.

Acara kemudian diteruskan dengan penunjuk cara bagi pemasangan dan penyelenggaraan jail oleh Pasukan Bertindak, Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan.

KSSUP melalui Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan menubuhkan Pasukan Bertindak sejak tahun 2018 sebagai inisiatif bagi menangani isu konflik manusia dan buaya khususnya bagi keseluruhan Negara Brunei Darussalam. Ia bertujuan untuk menangani isu pencerobohan buaya di perairan negara ini.

Langkah dan inisiatif lain yang telah dan sedang giat dilaksanakan termasuk pemasangan papan tanda amaran keberadaan buaya, sesi taklimat jerayawara, dialog dan pembarigaan maklumat melalui poster.

Sebagai langkah ke hadapan, kaedah pembarigaan maklumat tentang konflik manusia dan buaya akan disalurkan melalui platform media massa dan media sosial.

Dalam mengukuhkan dan meningkatkan keberkesanan inisiatif pengawalan konflik manusia dan buaya di negara ini, KSSUP melalui Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan juga telah memperkenalkan PTBB sejak bulan Februari 2023 dengan tujuan untuk menjaga keselamatan penduduk yang tinggal di Kampong Ayer.

Jabatan Perhutanan ingin menyarankan kepada penduduk kampung dan orang awam untuk sentiasa menjaga kebersihan persekitaran, mematuhi papan tanda amaran keberadaan buaya yang telah dipasang oleh JPH, di samping memberikan kerjasama yang padu dalam menjayakan PTBB demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan bersama.

# DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK SEKOLAH ARAB TEMBURONG






**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir selaku tetamu khas dan menyampaikan ucapan khas bagi majlis kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak penubuhan Sekolah Arab Temburong (kiri dan atas).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hanif A. Halit**

**TEMBURONG**, Sabtu, 19 Ogos. - Bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Sekolah Arab Temburong pagi tadi mengadakan majlis kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak penubuhan sekolah berkenaan yang telah memasuki usianya 25 tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Awang Shokrati bin Haji Bahrun, disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Setelah itu diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Awang Tuah, diikuti dengan ucapan khas daripada tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat seterusnya melancarkan Buku Kenangan Zikrayat, Majalah El-Joumana dan buku Surah Yaa Siin, yang kemudian berkesudian untuk menyampaikan buku-buku tersebut kepada para Pengetua dan Guru Besar Sekolah-Sekolah Arab, serta mantan-mantan Guru Besar sekolah berkenaan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Lagu Rasmi Sekolah serta persembahan menambang syair oleh dua alumni Sekolah Arab Temburong, iaitu Dayang Rubiah binti Haji Timbang dan Dayang Munirah binti Haji Mohammad Zaini.

Pada majlis itu, tetamu kehormat dibawa beredar untuk menyaksikan pameran mini Menyelusuri Perjalanan 25 Tahun Sekolah Arab Temburong.

Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan Sekolah Arab Temburong diadakan bertujuan untuk menghargai jasa para tenaga pengajar yang pernah berkhidmat di sekolah tersebut, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara alumni, warga sekolah dan para jemputan.

# Pameran Urusan Rumahtangga : Ketengahkan kemahiran bidang kulinari, seni gubahan



**PENGIRAN Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang majlis berkenaan (atas kanan dan atas).**

**TUTONG,** Ahad, 20 Ogos. - Sejumlah 270 penyertaan masakan, kuih muih dan gubahan diterima pada acara Pameran Urusan Rumahtangga sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-77 tahun bagi Daerah Tutong, Tahun 2023 anjuran Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Tutong.

Kesemua jenis-jenis masakan dan gubahan kraf tangan tersebut dipertandingkan dalam tiga kategori iaitu Kategori A - Masakan dan Sayuran; Kategori B - Kuih Muih dan Kategori C - Gubahan Kraf tangan dan Bunga Hidup.

Sehubungan itu, penghakiman dan penyampaian hadiah kepada para pemenang diadakan di Dewan Utama Kompleks Kemasyarakatan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli.

Dalam ucapannya, Pengerusi Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Ainah binti Datu Hulubalang Haji Abd Wahab, selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, Pameran Urusan Rumahtangga pada tahun ini telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan dari penduduk Daerah Tutong yang mana hampir 50 peratus peserta adalah peserta-peserta baharu dan dari golongan anak muda.

Penyertaan pertandingan masakan dan gubahan ujar beliau, terbuka kepada semua penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong termasuk kaum lelaki.

Menurut Dayang Hajah Ainah lagi, objektif penganjuran pameran ini adalah untuk menyediakan satu platform bagi orang ramai yang berminat dalam bidang kulinari dan seni gubahan untuk mengetengahkan kemahiran dan kreativiti mereka.

"Persaingan yang sihat melalui pertandingan ini akan dapat meningkatkan lagi pengalaman dan kemahiran mereka yang terlibat. Secara langsung partisipasi dan kejayaan yang diraih dalam pertandingan Pameran Urusan Rumahtangga akan dapat membina keyakinan diri untuk mengendalikan perniagaan bagi memperbaiki ekonomi keluarga," terang beliau.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyaksikan pameran masakan dan gubahan yang menyertai acara tersebut serta melawat meja-meja jualan.

Juga hadir isteri-isteri Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; isteri Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Penasihat Persatuan Pertiwi, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris; Pengerusi-Pengerusi Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Belait dan Temburong serta isteri Penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**PENGERUSI Persatuan Pertiwi Cawangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Ainah binti Datu Hulubalang Haji Abd Wahab selaku Pengerusi Majlis semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.**

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN ANJUR MAJLIS PENGHARGAAN






**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para penerima (kiri dan atas).**





**KETUA Unit Tenaga Pengajar (UTP), BDLTA Dr. Roslena binti PDIS Haji Johar selaku Pengerusi Majlis semasa menyampaikan ucapan alu-aluan (kiri) dan Dayang Sylvia Bernardette Buma menyampaikan ucapan selaku wakil AF (kanan).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) hari ini menganjurkan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil bagi Associate Facilitators and Trainee Competency Trainers Signature Series Tier bertempat di Dewan Ruang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Seramai 44 orang guru dan pegawai di Kementerian Pendidikan telah menerima sijil penghargaan yang terdiri daripada 22 orang Associate Facilitators (AF) dan 22 orang Trainee Competency Trainers (TCT) Signature Series Tier 1.

Para AF dan TCT adalah mereka yang telah terpilih sebagai pemudahcara kursus pembangunan profesional yang bertujuan untuk membantu para pendidik meningkatkan kompetensi teras guru berasaskan rangka kerja Piawaian Guru Brunei-Penilaian Prestasi Guru 2.0 (Brunei Teacher Standards-Teacher Performance Appraisal 2.0).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata pada majlis berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Masri bin Haji Mohd. Daud, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Unit Tenaga Pengajar (UTP), BDLTA, Dr. Roslena binti PDIS Haji Johari yang juga merupakan Pengerusi Majlis.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian cenderamata dan sijil kepada para AF dan TCT serta mantan Lead Facilitator di Unit Tenaga Pengajar, BDLTA.

Majlis juga diserikan dengan ucapan daripada wakil AF, Dayang Sylvia Bernardette Buma dari Sekolah Rendah Sungai Liang dan Awang Ismail bin Haji Mohamed Yakob dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selaku wakil TCT.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada sumbangan mantan Lead Facilitator, AF dan TCT yang membantu memudah cara latihan profesional ke arah merealisasikan visi Kementerian Pendidikan (Negara Dinamik Pendidikan Berkualiti) serta Wawasan Brunei 2035 supaya rakyat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi mengikut piawaian antarabangsa.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengarah Pengurusan Pendidik, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah; ketua-ketua jabatan dan unit berkenaan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

# Penghargaan atas komitmen jaga kebersihan





**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Sabtu, 19 Ogos. - Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan bagi menjaga kebersihan di kawasan Bangunan Tutong Central Mall dan beberapa buah kedai runcit di Mukim Pekan Tutong dan Mukim Keriam telah diadakan hari ini.

Sijil Penghargaan tersebut disampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad kepada Awang Ito, seorang pekerja di bawah Syarikat Jaya Mulia Mang-Maintenance Company yang ditugaskan menjaga kebersihan di Bangunan Tutong Central Mall.

Sementara itu, beberapa buah kedai-kedai runcit juga menerima persijilan tersebut iaitu Syarikat Perniagaan Dayang Kasum Bte Ibrahim dan anak-anak bertempat di Nombor 33, Kampung Penabai Kuala Tutong; MJB Sendiran Berhad di alamat Nombor 66, Kampung Panchor Dulit, Tutong.

Syarikat Sharqa Mini Mart bertempat Nombor 105, Kampung Keriam Tutong; Syarikat Rosnafi Enterprise di Nombor 830, Kampung Luangan Dudok, Tutong dan Syarikat Osman B Haji Momin Sdn. Bhd. di Nombor 1635, Kampung Sinaut, Tutong.

Adapun majlis ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan pihak kerajaan melalui Jabatan Daerah Tutong kepada badan-badan korporat atau individu yang memberikan komitmen yang tinggi dalam sama-sama menjaga kebersihan persekitaran di negara ini.

Komitmen Awang Ito dan kedai-kedai runcit berkenaan diharapkan akan menjadi contoh kepada pihak yang lain untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran khususnya bagi tempat-tempat pembuangan sampah yang disediakan oleh pihak kerajaan dan bagi pengurus-pengurus bangunan komersial di negara ini.



**PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada syarikat-syarikat yang menerima (kanan, atas kiri dan atas kanan).**

# MEMANTAPKAN PENGUASAAN, KEMAHIRAN PENTERJEMAHAN

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Sabtu, 19 Ogos. - Komitmen Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dan kakitangannya dalam pelbagai bidang terus dipergiat sebagai satu upaya jabatan berkenaan untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang kompeten dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang yang dikuasai.

Justeru Kursus Penterjemahan Am (Intensif) yang diadakan buat julung kalinya itu adalah sebagai salah satu tindakan DBP untuk meningkatkan dan mempertajamkan lagi penguasaan serta kemahiran dalam bidang penterjemahan bukan sahaja dalam kalangan pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan bahkan melibatkan jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab menekankan mengenai perkara itu pada membuka tirai Kursus Penterjemahan Am (Intensif) sempena Bulan Bahasa 2023 anjuran DBP melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, di sini, pagi tadi.

Menurutnya, ilmu penterjemahan merupakan antara bidang ilmu yang cukup penting untuk dikuasai kerana penterjemahan berperanan besar dalam menyediakan sumber penting terutamanya pengayaan perbendaharaan kata menerusi proses pembinaan kosa kata bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu.

"Oleh yang demikian, kemahiran penterjemahan pada masa kini bukanlah lagi sebagai nilai tambah tetapi menjadi satu keperluan yang seharusnya dikuasai sejajar dengan usaha jabatan ini untuk mengupayakan pengembangan pelbagai disiplin ilmu," terangnya.

Seramai 20 peserta menyertai kursus berkenaan terdiri daripada pegawai dan kakitangan Unit Penterjemahan, DBP dan jabatan-jabatan kerajaan yang diundang, iaitu Pusat Sejarah Brunei; Jabatan Muzium-Muzium; Jabatan Penerangan; Jabatan Kehakiman Negara; Radio Televisyen Brunei; dan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Antara objektif kursus adalah untuk mendalami teori dan teknik-teknik baharu dalam bidang penterjemahan; meningkatkan lagi kualiti kerja dan menambah baik cara kerja; melahirkan penterjemah yang berkaliber dan berwibawa; dan sebagai satu pengiktirafan bahawa para peserta berkelayakan untuk menterjemah secara profesional.

Kursus tersebut juga memberi peluang kepada para peserta untuk menimba pengalaman baharu dan juga ilmu dalam bidang penterjemahan.

Dengan adanya kursus ini, diharap para peserta dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam, selain itu peperiksaan juga akan diadakan pada penghujung kursus untuk menilai sejauh mana pengetahuan, pemahaman, dan kemahiran para peserta.

Seramai tujuh fasilitator dan pegawai didatangkan khas dari Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Malaysia, untuk Kursus Penterjemahan Am (Intensif) berkenaan yang akan diadakan secara teori dan amali.

Modul kursus pula adalah termasuk Asas, Teori dan Teknik I & II; Sintaksis, Semantik, Laras dan Peristilahan; Bahasa Melayu dalam Terjemahan; Penterjemahan Teks Komunikasi Massa; Penterjemahan Teks Umum; Penterjemahan Teks Sains Sosial; Penterjemahan Teks Sastera Kreatif; Penterjemahan Teks Undang-undang; dan Penterjemahan Teks Sains dan Teknologi.



**SESI Kursus Penterjemahan Am (Intensif) yang diadakan di Dewan Sarmayuda, DBP.**



**PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa menyampaikan kata alu-aluan.**

# PIBG wujudkan pendidikan berkualiti di sekolah

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**SENGKURONG**, Sabtu, 19 Ogos. - Penubuhan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) di sesebuah sekolah amat memainkan peranan penting kerana PIBG itu merupakan antara mekanisme penting dalam mewujudkan pendidikan yang berkualiti di sekolah.

Menerusinya banyak program dan langkah yang dapat diatur terutama dalam mempertingkatkan mutu dan prestasi sama ada akademik, non-akademik atau sahsiah pelajar sekolah itu sendiri.

"Dan dalam pada itu ia juga mampu / dapat mengatasi pelbagai kekangan yang boleh mencacatkan iklim pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah. Ini termasuklah masalah dalam soal prestasi akademik sekolah, masalah disiplin, masalah kewangan dan dana," Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar berucap semasa merasmikan Sambutan Jubli Perak Sekolah Ugama Katimahar, Kawasan Brunei IV, petang tadi.

Awang Haji Shamshol berbangga di mana Persatuan PIBG Sekolah Ugama Katimahar telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang menjurus dan membawa kepada kebajikan dan manfaat kepada sekolah dan para pelajar sejak persatuan berkenaan ditubuhkan pada tahun 2007.

Beliau seterusnya menyatakan, dalam mencapai sebuah kejayaan sekolah kepimpinan guru besar adalah elemen yang sangat penting dan membawa pengaruh besar dalam mencapainya.

"Guru besar perlu ada wawasan, iaitu mempunyai visi dan misi untuk menjadikan sekolahnya sekolah cemerlang dan sentiasa berusaha untuk melahirkan pelajar-pelajar holistik yang memiliki pelbagai kebolehan dan kemahiran.

"Untuk mencapai hasrat itu ia memerlukan perancangan dan strategi tertentu dan perlu seterusnya mampu mendapatkan sokongan dan kerjasama kuat daripada semua peringkat warga sekolah. Saya berharap dengan kepimpinan dan pentadbiran sekolah yang cekap dan profesional maka saya yakin Sekolah Ugama Katimahar ini akan bertambah lebih cemerlang pada masa hadapan," tambahnya.

Beliau seterusnya berharap para pelajar perlu ada kesungguhan usaha, disiplin, kemantapan dan perancangan belajar yang baik, berserta doa dan keyakinan kepada Allah Subhanahu Wata'ala di mana perkara itu akan menyumbang penghasilan yang terbaik.

Kemuncak acara ialah perasmian Pondok Jubli 25 yang mana pembinaannya hasil daripada usaha sama pihak sekolah, PIBG, penjaga atau ibu bapa serta masyarakat setempat.

Tujuan utama sambutan berkenaan adalah sebagai wadah untuk meraikan kejayaan yang dikecapi oleh sekolah sepanjang 25 tahun penubuhannya. Di samping itu, untuk beramah mesra bersama mantan-mantan guru besar dan guru-guru.

Sambutan juga turut diserikan dengan demonstrasi tatacara mengkafankan jenazah yang dipersembahkan oleh murid-murid Darjah 6 sesi petang.

Acara juga diserikan dengan persembahan tatacara perlaksanaan tawaf daripada murid-murid Darjah 6 sesi pagi selain galeri ristaan 25 tahun, pameran alat bantu mengajar yang digunakan di dalam pembelajaran serta gerai jualan 25 daripada peniaga-peniaga kampung berkenaan dan sekitarnya.

Turut hadir, jemputan-jemputan khas dari Jabatan Pengajian Islam, mantan-mantan guru besar dan guru-guru yang pernah bertugas di sekolah ugama tersebut.




**SEMASA sesi bergambar ramai pada Sambutan Jubli Perak Sekolah Ugama Katimahar, Kawasan Brunei IV.**



**ANTARA persembahan daripada murid-murid Sekolah Ugama Katimahar.**



**PENGARAH Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar semasa berucap pada majlis berkenaan.**



# تكورن دان نصيحة بيارله برهيمه

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى دڠن منيڠكتكن كإيمانن كقدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى برفرمان دالم سورة النحل آية ١٢٥:

**سروله كجالن توهنمو (واهي نبي محمد) دڠن حكمه (كبيجقسنأن) دان نصيحة ڤڠاجارن يڠ بايك دان بردبتله دڠن مريك دڠن چارا يڠ تربايك. سسڠݢوهڽ توهنمو، دي يڠ لبيه مڠتهوي سياڤ يڠ سست درڤد جالنڽ دان دياله جوݢ يڠ لبيه مڠتهوي اورڠ-اورڠ يڠ منداڤت ڤتونجوق.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

أݢام إسلام مڠنجوركن أومتڽ اݢر ساليڠ تݢور منݢور دان نصيحة مناصيحتي انتارا ساتو سام لاين دالم كهيدوڤن كيت برمشاركت. سسڠݢوهڽ بوديا منݢور دان مناصيحتي سسام كيت اداله ڤربواتن يڠ ترڤوجي دڠن توجوان انتوق ممبتولكن كادأن دان كسالهن يڠ تله دلاكوكن. درڤد تميم الداري رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، بهاوا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **اَلدِّينُ النَّصِيْحَةُ، قُلْنَا: لِمَنْ ؟ قَالَ: لِلّٰهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَامَّتِهِمْ.**

**مقصودڽ:**

**أݢام ايت اداله نصيحة. كامي برتاڽ: انتوق سياڤ؟ بݢندا برسبدا: "انتوق الله، انتوق كتابڽ، انتوق رسولڽ، انتوق ڤارا ڤميمڤين قوم مسلمين، دان قوم مسلمين سچارا عموم." {حديث رواية إمام مسلم}**

سكيراڽ عمالن ساليڠ منݢور دان مناصيحتي تيدق دبودياكن دالم كهيدوڤن، تياد تݢورن يڠ دلاكوكن، تياد اوسها ڤنمبهايكن، تياد أجيندا ڤمبهاروان، مك كجاهيلن، كظاليمن دان كسستن اكن برتروسن دان براللواسا.

سستڠه ڤيهق مناماكن تݢورن سباݢي كريتيكن، أدوان، ڤنداڠن دان ڤلباݢاي إصطلاح يڠ لاين. اكن تتاڤي والو اڤ ڤون إصطلاح يڠ دݢوناكن، تݢورن دان نصيحة مستيله دسمڤيكن برلندسكن صفة يڠ واجر، تيدق دڤڠاروهي ڤراسأن دان إموسي يڠ برلبيهن سهيڠݢ منظاليمي، منجاتوهكن مرواه، ممڤرسندا، مڠهينا، مڠعيبكن دان سأومڤماڽ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسڠݢوهڽ منݢور دان دتݢور، ڤنريمأنڽ اداله بربيذا باݢي ستيڤ اورڠ. اين كران تيدق سموا اورڠ بوليه منريما سبارڠ تݢورن، نصيحة دان كريتيكن. ڤرلو دإيڠت، بهاوا كيت مستيله سنتياس برلاڤڠ دادا دان منريما ستيڤ تݢورن دان نصيحة ايت دڠن هاتي يڠ تربوكا. إمام الغزالي برڤسن ددالم كتابڽ " **أيها الولد": "نصيحة ايت موده، يڠ سوكر اداله منريماڽ كران باݢي يڠ مڠيكوتي هاوا نفسو، مك نصيحة ايت تراس ڤاهيت".**

والوڤون عمالن ساليڠ منݢور دان ممبري نصيحة داڤت ممبريكن منفعة كأره كبايكن، نامون أداب دان أخلاق دالم ميمڤيكن تݢورن مستيله سنتياس دجاݢ. اين كران تنڤا أداب دان تاتاچارا يڠ بتول، اي بوكن ساج بوليه منيمبولكن ساله فهم، بهكن بوليه منيمبولكن كمارهن سهيڠݢ ميبابكن ترجاديڽ ڤرموسوهن دان ڤرسڠكيتأن.

انتارا قاعده دان أداب يڠ ڤرلو دبريكن ڤرهتين دالم ميمڤيكن تݢورن دان نصيحة اياله:

**ڤرتام:** ميمڤيكن تݢورن دان نصيحة دڠن مڠݢوناكن باهاس يڠ ڤاليڠ سسواي يايت لمبوت دان برسوڤن. جاڠنله سسكالي كيت منݢور دڠن مڠݢوناكن نادا سوارا يڠ تيڠݢي دان باهاس يڠ كاسر كران كيت منݢور بوكن انتوق منددهكن عيب اورڠ.

**كدوا:** مڠإيلقكن دري منݢور كسالهن سسئورڠ دخلايق رامي. ليهتله سيتواسي دان كادأن، تݢور دان نصيحتيله كتيك دي سداڠ برسنديرين اتو دتمڤت يڠ ترتوتوڤ، بوكنڽ دڠن چارا يڠ بوليه منيمبولكن ڤراسأن مالو كڤد اورڠ يڠ دتݢور. **إمام الشافعيّ بركات: "سسياڤ يڠ منݢور سوداراڽ سچارا سمبوڽي-سمبوڽي مك دي بنر-بنر تله مناصيحتيڽ دان منجاݢ عيبڽ. نامون، سسياڤ يڠ منݢورڽ سچارا ترڠ-ترڠان مك سسڠݢوهڽ دي تله ممالوكنڽ دان ممبوك عيبڽ."**

**كتيݢ:** ميمڤيكن تݢورن دان نصيحة دڠن چارا يڠ بيجقسان دان مڠݢوناكن ڤركتأن-ڤركتأن يڠ بايك دان برمنفعة اݢر تيدق ميڠݢوڠ ڤراسأن اورڠ يڠ دتݢور، برهاتي-هاتي دالم مميليه ڤركتأن يڠ سسواي اݢر اورڠ ايت تيدق براس ترهينا دان رنده ديري. اوله ايت، بريله نصيحة دڠن عقل فيكيرن بوكنڽ دڠن إموسي.

**كأمڤت:** تݢورن دان نصيحة هندقله سباݢيمان كيت إيڠينكن چارا ديري كيت سنديري دتݢور اتو دنصيحتي.

**كليم:** اداله لبيه إيلوق جك دلاكوكن سچارا برسموك، بوكنڽ دڠن مڠݢوناكن ڤرانتارأن اورڠ لاين.

**كأنم:** اورڠ يڠ منݢور هندقله ممينتا معاف سلڤس ممبوات تݢورن كران توجوان ممينتا معاف ايت اداله انتوق مموجوق هاتي اورڠ يڠ دتݢور سوڤاي تيدق تراس هاتي اتس تݢورن يڠ تله دبريكن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ڤروبهن ݢاي هيدوڤ مشاركت يڠ دكواساٴي اوله ڤڠݢوناأن ميديوم مديا سوسيال ميدياكن رواڠ إينتركسي دان كومونيكاسي تنڤا باتسن يڠ كادڠكالا ممبواتكن كيت ترلالي دان ترليكا تنتڠ أداب دان أخلاق دالم ميمڤيكن تݢورن دان نصيحة.

دالم حال اين، كيت ڤرلوله برسيكڤ بيجق دڠن ممستيكن بهاوا أية-أية اتو ڤركتأن يڠ هندق دݢوناكن ايت اداله برسسواين. اين كران ميديوم مديا سوسيال اداله تمڤت عموم دان تربوكا يڠ بوليه منيمبولكن ڤلباݢاي أنداين دان ڤنداڠن سام اد يڠ ڤوسيتيف ماهوڤون يڠ نيݢاتيف.

اوله يڠ دمكين، ماريله محاسبة ديري كيت اݢر مڠمباليكن سمولا توجوان سبنر سسواتو تݢورن دان نصيحة ايت دلاكوكن اݢر ممبريكن منفعة كڤد اورڠ لاين، بوكنڽ مڠوندڠ كمضارتن يڠ ميمارقكن أڤي ڤرباله‌ن دان ڤرموسوهن. سدڠكن ڤرموسوهن اداله ڤربواتن يڠ دبنچي دان دتݢه دالم أݢام كيت. **درڤد عائشه رَضِيَ اللهُ عَنْهَا بركات: رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله برسبدا: إِنَّ أَبْغَضَ الرِّجَالِ إِلَى اللهِ الْأَلَدُّ الْخَصِمُ.**

**مقصودڽ:**

**سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ دبنچي الله اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ قوات برموسوهن. {حديث رواية إمام مسلم}**

أخيرڽ، بودياكنله عمالن تݢور-منݢور دان نصيحة-مناصيحتي دڠن كات-كات يڠ لمه-لمبوت، بربودي بهاس دان بيجقسان. بريله تݢورن دڠن نية يڠ إخلاص سمات-مات كران الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَى دان دڠن چارا يڠ ڤنوه برهيمه اݢر تݢورن ترسبوت داڤت دتريما دڠن هاتي يڠ لاڤڠ دان تربوكا.

تريماله تݢورن دڠن برسڠكا بايك سوڤاي كيت داڤت ممڤربايكي ديري دان مڠإيرتكن صلة الرحيم انتارا كيت. سام-سامله كيت بردعاء سموݢ كيت سموا اكن داڤت هيدوڤ امان دامي، هرموني دان برساتو ڤادو تنڤا اد ڤرسڠكيتأن. آمين يا رَبَّ العالمين.

**مك كامو كاتكن كڤدڽ كات-كات يڠ لمه-لمبوت، موده-مودهن دي برإيڠت (سدر) اتو تاكوت (كڤد توهن). {سورة طه آية: ٤٤}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# GEMBLENG TENAGA BANTERAS GEJALA PENYALAHGUNAAN, PENGEDARAN DADAH

**Berita dan Foto : Khartini Hamir**





**PENGARAH BKN semasa berucap pada program tersebut (kiri) manakala gambar kanan, Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohammad Ali menyampaikan ucapan alu-aluan.**

**TUTONG**, Ahad, 20 Ogos. - Penting untuk memberikan peluang kedua kepada bekas pengguna agar mereka tidak mengulangi kesilapan yang lalu dan stigma negatif terhadap bekas pengguna perlu dihakis daripada kelompok masyarakat kita agar golongan ini tidak tersisih.

Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali merasakan impak daripada cengkaman dadah haram yang dihadapi oleh seluruh dunia, walaupun di negara ini situasi dadah masih dalam keadaan yang terkawal, namun kita tidak seharusnya leka atau memandang ringan perkara itu.

Justeru, Biro Kawalan Narkotik (BKN) menjadi agensi peneraju utama membanteras penyalahgunaan dadah dan substans di NBD akan terus komited untuk memerangi apa jua bentuk aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta akan sentiasa bersedia untuk berkhidmat bagi kesejahteraan dan keselamatan negara.

Perkara itu ditegaskan oleh tetamu kehormat, Pengarah BKN, Dato Paduka Awang Mohd. Zalani bin Haji Ismail, ketika berucap pada Program Pendampingan (Outreach) sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Haram (IDADAIT) bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, anjuran Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) dengan kerjasama BKN dan Pejabat Daerah Tutong.

Juga hadir sama, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohammad Ali selaku Penasihat Program IDADAIT; Naib Yang Dipertua BASMIDA, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah selaku Pengerusi Program IDADAIT; dan Pengerusi Bersama Program IDADAIT, Dayang Hajah Simah binti Haji Mohd Yusof Khan.

Dato Paduka Awang Mohd. Zalani seterusnya menyatakan bahawa BKN juga membuat penelitian ke atas dasar-dasar berkaitan dadah, melihat trend semasa penyalahgunaan dadah serta usaha-usaha membanteras pengedaran secara besar-besaran.

Beliau juga menekankan bahawa usaha menangani masalah dadah ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti agensi berkaitan dengan keluarga, belia, agama dan perpaduan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

"Kerjasama bersepadu dengan semua pihak ini dapat memberi kesan menyeluruh, sekali gus menyelesaikan permasalahan dadah di negara ini. Oleh itu, biro ini dan pertubuhan bukan kerajaan untuk bersama-sama melakukan pencegahan dadah," ujarnya.

Tambahnya, kita harus faham, penyalahgunaan dadah adalah penyakit kronik berulang yang memerlukan sokongan pelbagai pihak seperti keluarga dan masyarakat serta kekuatan diri sendiri untuk pulih.

Pusat Rawatan dan Pemulihan Al-Islah tekannya melaksanakan pendekatan yang dibuktikan secara saintifik dan menekankan secara terapi kekeluargaan, namun tiada jaminan selepas keluar daripada pusat pemulihan mereka bebas sepenuhnya daripada ketagihan dadah semula.

Usaha ke arah merawat dan memulih para penagih dadah katanya lagi, bukan mudah untuk dilakukan kerana ia dinilai secara menyeluruh dan bukan hanya tertumpu kepada sesebuah pusat yang mengendalikan masalah penagihan dadah sahaja.

"Kerjasama daripada pihak lain, misalnya keluarga, majikan, komuniti dan penubuhan dari bukan kerajaan juga diperlukan. Ukuran yang lebih realistik bagi kemajuan atau kejayaan rawatan tidak seharusnya terbatas kepada pengurangan tahap penggunaan dadah dalam masyarakat,

"Tetapi juga kepada badan-badan persatuan dalam penambahbaikan hal-hal pelaksanaan program dan produktiviti yang boleh menyumbang kepada keberkesanan usaha untuk mengatasi masalah bekas pengguna penyalahgunaan dadah dalam kalangan anggota masyarakat," tegasnya.

Pengarah BKN juga menzahirkan perlunya program rawatan dan program sosial dipelbagaikan dan dilaksanakan bagi memastikan kesedaran masyarakat dapat ditingkatkan, seterusnya meningkatkan kesedaran, efikasi kendiri untuk menahan diri daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Beliau juga menekankan persatuan-persatuan bukan kerajaan untuk tampil dan memberikan kerjasama yang gigih dalam mempelbagaikan faedah dan aktiviti yang sesuai seperti yang dilaksanakan pada pagi ini, bagi merealisasikan matlamat kerajaan agar semua lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing menggembleng tenaga membanteras gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Pengarah BKN juga amat mengalu-alukan usaha seperti ini dipergiatkan dan memperluaskan lagi khususnya bagi penduduk di Daerah Tutong dan amnya di NBD.

"Jika setiap komponen yang saya sebut tadi boleh memainkan peranan mereka dengan aktif dan bersungguh-sungguh untuk menentukan kawasan masing-masing bebas daripada gejala dadah, maka ini akan merupakan sebagai 'tentera tambahan' atau *force mutiplier* dalam peperangan kita terhadap gejala dadah dan jika setiap komponen masyarakat tadi dapat bersama-sama dengan jentera kerajaan memerangi gejala dadah, ini juga merupakan satu 'langkah ke hadapan' atau *another step forward to the war against drugs*,' tegas beliau lagi.

Dengan bertemakan 'Masyarakat Didahulukan, Berhentikanlah Stigma dan Diskriminasi, Kuatkan Pencegahan' program antara lain berobjektif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan peserta tentang kesan negatif stigma dan diskriminasi terhadap individu dan komuniti, serta mendidik peserta tentang pelbagai bentuk stigma dan diskriminasi, dan membantu mereka mengenali dan menangani isu berkenaan.

Hal itu dijelaskan oleh Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Awang Mohammad Ali dalam ucapan alu-aluannya yang mengetengahkan Hari IDADAIT atau Hari Dadah Sedunia diraikan setiap tahun pada 26 Jun untuk menguatkan usaha-usaha dan kerjasama dan berganding bahu antara agensi-agensi kerajaan dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menerapkan nilai-nilai mulia anti dadah di peringkat masyarakat / keluarga agar sentiasa menjauhi dan tidak menyalahgunakan dadah haram

Antara tujuan utama kempen IDADAIT jelasnya ialah untuk meningkatkan kesedaran mengenai impak negatif hasil dari stigma dan diskriminasi, terhadap mereka yang menyalahgunakan dadah dan terhadap ahli-ahli keluarga mereka, dan memperkasakan belia-belia dan orang-orang muda dan masyarakat supaya mencegah penyalahgunaan dadah dan ketagihan.

Selain itu juga bagi mempromosikan khidmat-khidmat sukarelawan berasaskan bukti bagi semua orang yang menggunakan dadah, serta memberikan pendidikan dan maklumat betul mengenai gangguan disebabkan menyalahgunakan dadah, dan mengenai rawatan dan sokongan di peringkat awal.



**PENGARAH Biro Kawalan Narkotik (BKN), Dato Paduka Awang Mohd. Zalani bin Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat pada Program Pendampingan (Outreach) sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Haram (IDADAIT) bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong. Juga hadir sama, Pemangku Pegawai Daerah Tutong.**

Acara yang dihadiri kalangan penduduk di Daerah Tutong, wakil-wakil dari jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta serta para penuntut Institusi Pengajian Tinggi itu turut diserikan dengan ceramah bertajuk 'Masyarakat Didahulukan, Berhentikanlah Stigma dan Diskriminasi, Kuatkan Pencegahan' yang disampaikan oleh Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah (Ceramah), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa.

Ruang pameran juga akan diadakan bagi mempamerkan aktiviti-aktiviti BASMIDA serta peluang untuk beramah-mesra dengan Ahli-ahli BASMIDA.

Persatuan Basmi Dadah atau BASMIDA yang ditubuhkan pada 5 Mac 1987 adalah persatuan yang bergiat aktif dalam kempen pencegahan penyalahgunaan dadah, dengan objektif utamanya untuk menjalankan pendidikan pencegahan dadah dalam kalangan belia, pelajar sekolah dan mengadakan kempen-kempen tahunan menggunakan semua media yang ada dan meliputi semua lapisan masyarakat.

Persatuan sukarelawan ini sedia memberikan perkhidmatan kaunseling, ceramah motivasi dan muhasabah diri malah membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan dengan memberikan kursus-kursus yang bersesuaian bagi mengendalikan perusahaan sendiri secara berdikari.

Semua usaha dan projek yang diungkayahkan oleh Ahli-ahli BASMIDA sememangnya mendapat perhatian baik di peringkat negara mahupun serantau.

Ini jelas terbukti dengan penganugerahan Asean Peoples' Award (APA) yang dianugerahkan semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur Konvensyen Centre (KLCC) pada November 2015.

Penganugerahan tersebut adalah hasil dari kerja keras dan komitmen daripada Ahli-ahli BASMIDA melalui kempen pencegahan penyalahgunaan dadah dan khidmat serta bimbingan kepada bekas-bekas penagih dadah.

Semua itu dilakukan adalah semata-mata ke arah melahirkan masyarakat yang hidup sihat dan harmoni tanpa dadah yang sekali gus membawa kepada pembentukan Komuniti ASEAN yang bersatu padu, makmur dan penyayang.




# MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA 25 TAHUN SU KATIMAHAR



**MANTAN Guru Besar SU Katimahar, Awang Haji Idris bin Haji Aji semasa pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Sekolah Ugama (SU) Katimahar dan selajurkan dengan Majlis Bertahlil Bagi Mantan Guru Besar, Guru-guru Sekolah Ugama Katimahar yang telah kembali ke rahmatullah (atas dan bawah).**

**Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Ugama Katimahar**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Ogos. - Sekolah Ugama Katimahar dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun di Sekolah Ugama (SU) Katimahar diselajurkan dengan Majlis Bertahlil Bagi Mantan Guru Besar, Guru-guru Sekolah Ugama Katimahar yang telah kembali ke rahmatullah, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, mantan Guru Besar SU Katimahar, Awang Haji Idris bin Haji Aji.

Beliau juga merupakan mantan Ketua Bahagian Kemajuan Syair Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama .

Turut hadir, mantan-mantan Guru Besar dan guru-guru yang pernah bertugas di Sekolah Ugama Katimahar .

Bacaan Tahlil dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Mohd. Endy bin Masri .

Seramai 150 orang menghadiri majlis berkenaan yang terdiri daripada para jemputan khas, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, para jemaah dan Muslimah, para ibu bapa / penjaga murid, murid-murid, serta penduduk Kampung Katimahar dan sekitarnya.



# Pendaftaran SMS keputusan peperiksaan kini dibuka

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BERAKAS,** Sabtu, 19 Ogos. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'AS' dan 'A' sesi Mei / Jun 2023.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh membuat pendaftaran melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan memasukkan teks berikut MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]<jarak>[NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui telefon bimbit. Ibu bapa atau penjaga dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai Ahad, 20 Ogos 2023.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3.00 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel kepada *moeresults@machbrunei.com*.




# Pemalsuan dokumen, tipu : Lelaki tempatan dipenjara

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Ogos. - Seorang lelaki tempatan dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Perantaraan, hari ini, atas dua pertuduhan memalsukan dokumen dan dua pertuduhan menipu.

Defendan, Mohd. Salihin bin Abdullah Gampar, berusia 53 tahun mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan Jurubahasa Mahkamah di hadapan Hakim Harnita Zelda Skinner.

Defendan didakwa telah memalsukan beberapa dokumen penerimaan dan sebut harga Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam kejadian pada 9 dan 10 Februari 2016.

Selain itu, defendan juga menipu Syarikat Delima Laut pada 10 Februari 2016, dengan memperdaya pekerja syarikat tersebut untuk mempercayai bahawa tawaran kepada syarikat itu bagi membekalkan *printer toner cartridges* diterima oleh JKR.

Pendakwaan dibuat Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Qamarul Affyian bin Haji Abdul Rahman manakala defendan diwakili oleh DC Ahmad Basuni bin Haji Abbas.

# Seorang pekerja pusat penjagaan kanak-kanak berdepan hukuman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Ogos. - Seorang pekerja pusat penjagaan kanak-kanak yang berumur 18 tahun akan berdepan hukuman denda dan penjara setelah mengaku bersalah kerana mencederakan seorang anak damit perempuan yang berusia satu tahun dalam jagaannya.

Hakim Mahkamah Perantaraan, Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Abu Hurairah akan menjatuhkan hukuman tersebut pada 31 Ogos ini dan memerintahkan defendan direman.

Defendan, seorang wanita tempatan dengan identitinya dirahsiakan untuk perlindungan anak damit berkenaan, mengaku bersalah atas pertuduhan yang telah dibacakan.

Mengikut pertuduhan bahawa defendan mendedahkan mangsa dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal.

Menurut Timbalan Pendakwa Raya Nurul Fitri binti Kiprawi, defendan telah menyebabkan kecederaan parah pada bahagian sulit mangsa semasa membersihkan anak damit berkenaan di bilik air pusat penjagaan tersebut pada 30 Januari lalu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 28(1) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Penggal 219, menyatakan bahawa mana-mana orang, yang menjaga kanak-kanak atau orang muda, mendera, menyerang, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dalam cara yang mungkin menyebabkan mereka mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkan mereka didera, diserang, diabaikan, ditinggalkan atau didedahkan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi BND20,000, penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dengan sebat tidak melebihi 10 sebatan, atau kedua-duanya.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2023 / NV / TA / 03
Pembelian Boots DMS (Black) Bagi Kegunaan Anggota Tentera Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 19 September 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 September 2023
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Sebut Harga

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2023-2024 / 23 / UP / 06

Tajuk Sebut Harga :
Lightings Works At Gerai Tamu Selera Area, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Hari, Tarikh dan Jam Tutup :
Khamis,
31 Ogos 2023,
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut :
Unit Pemuliharaan, Bahagian Pemuliharaan dan Kenderaan Diperoleh Dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 1, Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu dan Pemeliharaan Kenderaan, Spg 594, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan.

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

(i) Tawaran :
JPH / 1102-002 / TAW / 374 / 2023 - 2024 : Menyediakan Firebreak di Sempadan Hutan Simpan Arboretum

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 September 2023,
2.00 Petang

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika Belum Berdaftar) :
BND10.00
Borang Tawaran : BND15.00
Yuran Tawaran : BND55.00
-Tidak Dikembalikan-

## JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 07 / 2023-2023

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja dan Mengganti Baharu Pagar Kawasan Letak Kereta Di Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 08 / 2023-2023

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Membaiki dan Mengganti Baharu Pagar Kawasan Banglo JKR No.22 Kelas 'F' Jalan Sungai Basong

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Ogos 2023,
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0021 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
To Demolish, Construct and Build Site Office / Operator House At Keramut Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
7 September 2023
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2023 - 2024 / 30 / UP / 10

Tajuk Sebut Harga :
Dismantle and Removal Works the Existing Footbridge and Jetty, At Mangrove Area, Taman Jubli Perak, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup :
Khamis,
31 Ogos 2023,
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut :
Unit Pemuliharaan, Bahagian Pemuliharaan dan Kenderaan Diperoleh Dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Di Tingkat 1, Bangunan Pejabat Unit Khidmat Bantu Dan Pemeliharaan Kenderaan, Spg 594, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan.

## PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2023 / 8 / 5

Tajuk Sebut Harga :
The Renovation Including Supply and Installation Of Furnishes and Fixtures For Officer Rooms, Second Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa, 29 Ogos 2023
Tidak lewat Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran Bilangan :
JDBM / QSTOR / 003 / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Alat-Alat Tulis Selama Satu Tahun Bagi Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Tawaran Bilangan :
JDBM / QSTOR / 004 / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Alat-Alat Pembersih Selama Satu Tahun Bagi Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Tawaran Bilangan :
JDBM / QSTOR / 005 / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Dakwat / Ink Cartridge Selama Satu Tahun Bagi Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 Ogos 2023
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Projek :
JDBM / Q / 36 / 2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan Satu Ruang Gerai Kg. Mata-Mata, Mukim Gadong 'B' Bagi Tempoh 3 Tahun, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran :
21 Ogos 2023

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
4 September 2023
Tidak lewat jam 2.30 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
5 September 2023
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tawaran Tutup :
Peti Tawaran,
Tingkat 1,
Unit Kewangan,
Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Dokumen :
BND10.00
(Sepuluh Ringgit Brunei)
(Tidak akan dikembalikan kepada penawar)

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.31

Tawaran Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Pemasangan dan Membuka Pembesar Suara (P. A System) Di Sepanjang Jalan Perarakan Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Tahun 1445H

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Ogos 2023M
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas :**
**III, IV, V & VI**

**Kategori :**
**S01**

**Tarikh buka tawaran pada :**
**Rabu,**
**23 Ogos 2023**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
**Selasa,**
**26 September 2023**

**Tarikh Tutup pada :**
**Selasa, 10 Oktober 2023, Sebelum jam 2.00 Petang**

**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam).**

**JASTRE / BL / T008 / 2023**

**Kerja-Kerja Operasi dan Pemeliharaan Di Stesen Pindah Sungai Akar dan Tapak Pelupusan Sungai Paku Bagi Tempoh Lima (5) Tahun**

**NO. PROJEK :**
**JASTRE / BL / T008 / 2023**

**Jumlah Yuran Tawaran :**
**BND2,000.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bahagian Perlesenan dan Percukaian**

**Notis Iklan Kekosongan Petak Di Bangunan-Bangunan Milik Jabatan Bandaran Tutong**

BAHAGIAN Perlesenan dan Percukaian, Jabatan Bandaran Tutong membukakan permohonan bagi peniaga-peniaga yang berminat untuk mengisikan kekosongan petak di bangunan milik Jabatan seperti berikut :

**Bangunan - Petak Kekosongan Kompleks Pasarneka Dan Tamu Tutong**
**Petak Tamu Sayur-sayuran - 6**
**Petak Tamu Bunga-Bungaan - 3**
**Petak Tamu Salai-Salaian - 2**
**Petak Tamu Masak-Masakan - 2**
**Petak Tamu Perhiasan , Pakaian dan lain-lain - 1**
**Pasar Ikan / Ayam / Daging - 11**
**Mini Supermarket - 1**

Pemohon yang berminat hendaklah mengisikan dengan tepat dan lengkap borang yang boleh diperoleh di kaunter Bahagian Perlesenan dan Percukaian. Borang permohonan hanya akan dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam iklan sahaja. Borang yang telah lengkap disikan berkenaan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup permohonan. Sebarang permohonan yang tidak menepati tempoh (sama ada terlebih awal ataupun lewat), tidak lengkap ataupun mengunakan borang yang berlainan tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.

Bagi sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan boleh berhubung terus ke nombor telefon seperti di bawah :

**Bahagian Perlesenan dan Percukaian**
**Jabatan Bandaran Tutong**
**+673 4221009, +673 8282965**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam**
**Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 250 / 2022**

**Baiduri Bank Sdn Bhd - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Ngo Beng Cheong (30-107289) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Ngo Beng Cheong**
**No 89, Simpang 204, Perumahan Kg Mengkubau, Tanjung Selasih, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
30 Mei 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

**>> Muka 16**

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tawaran Kastam**
**Bil. 24 / 2023**

**Tawaran Pembekalan Manequin Bagi Pameran Uniform Lama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Di Galeri Infitah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 19 September 2023**
**Jam 2.00 Petang**

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tawaran Kastam**
**Bil. 25 / 2023**

**Tawaran Bagi Pemeliharaan (Servis) Kenderaan Milik Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 19 September 2023**
**Jam 2.00 Petang**

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tawaran Kastam**
**Bil. 26 / 2023**

**Tawaran Bagi Melaksanakan Kerja Isi Semula dan Servis Alat Pemadam Api (Refill and Servicing Of Fire Extinguisher) Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 19 September 2023**
**Jam 2.00 Petang**

DEPARTMENT OF ENERGY
PRIME MINISTER'S OFFICE | BRUNEI DARUSSALAM

## JEMPUTAN BAGI *REQUEST FOR INFORMATION*

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam ingin menjemput syarikat - syarikat yang berminat untuk mengemukakan cadangan *Request for Information* bagi

*'The Provision to Invest, Build and Operate Solar Photovoltaics Power Plants and Energy Storage System at Sungai Teraban (202 Hectare)* ***AND/OR*** *Kargu Dam (80 Hectare), Brunei Darussalam'*

**DOKUMEN RFI**

Imbas dan muat turun Borang Pendaftaran

Emel borang ini kepada: renewable.energy@energy.gov.bn

Dengan tajuk:
**Registration Form – DOE/ETD/RE/RFI/2023/01**

Dokumen softcopy akan dikongsikan melalui emel

**BUTIRAN**

**Tarikh Buka:** 21hb Ogos 2023

**Tarikh Tutup:** 2hb Oktober 2023 ( 2 ptg )

Maklumat lanjut boleh diperolehi dari laman web berikut: https://www.energy.gov.bn/

## PERATURAN PENGIKLANAN
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400**
**sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**>> Muka 15**

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
12 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **17 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 17 Ogos 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **17 Ogos 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
12 Julai 2023

**Kes No. BCY / CP / 184 / 2020**

**BIBD AT-Tamwil Berhad (Previously filed by IBB Kredit Bhd)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Zailan bin Haji Md Said (30-107289)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 September 2020.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Zailan bin Haji Md Said**
**Simpang 63, No 94, Jalan Sungai Cerana, RPN Mengkubau, BU1729, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
11 Ogos 2020

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
24 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 September 2020.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 10 Ogos 2023, jam 2.45 Petang.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Ogos 2023, jam 2.45 Petang di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
24 Julai 2023

**Kes No. BCY / CP / 114 / 2021**

**BIBD AT-Tamwil Berhad (Previously filed by IBB Kredit Bhd)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Zainal bin Zairi (31-002299)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 September 2020.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Zainal bin Zairi**
**No B-10, Simpang 80-29-10-6, RPN Kg Pandan A, Kuala Belait, KA2131, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
16 Jun 2021

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
22 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 24 Ogos 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Ogos 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
22 Julai 2023

**Kes No. BCY / CP / 132 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Mohammad Shafrizam bin Hassali (BYIC No. 00-292584) - **Alamat** - No. 23, Simpang 287, Jalan Pantai Serasa, BT1728, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 132 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 83.8 sen **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar -** 24 Julai 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
22 Julai 2023

**Kes No. BCY / CP / 60 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Hjh Nur Siti Rasidah binti Haji Yaakub (BYIC No. 00-304380) - **Alamat** - No. 11, Simpang 595, Jalan Pasir berakas, Kampong Lambak Kiri, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 60 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 39.7 sen **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 24 Julai 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
22 Julai 2023

**Kes No. BCY / CP / 348 / 2019**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Muhammad Azmi bin Muhammad Apong / Jesmi bin Apong (BYIC No. 00-279658) - **Alamat** - No. 887, Kampong Luagan Dudok, Tutong, TB1541, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 348 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100 sen **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar -** 22 Julai 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
22 Julai 2023

**Kes No. BCY / CP / 195 / 2017**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Mohammad Khirul Rizam bin Mohd Shahmin (00-317627)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Julai 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :**
**Mohammad Khirul Rizam bin Mohd Shahmin**
**No. 172-G, Kampong Saba Ujong, Bandar Seri Begawan, BB1726, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**
27 Februari 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai PenerimaRasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**22 Julai 2023**

**Muhd Muzakkir**
**bin**
**Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 7 / 2023**

**Baiduri Bank Sdn Bhd**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhamad Tirmidzi bin Haji Jafar (00-315656) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhamad Tirmidzi bin Haji Jafar**
**No 6, Simpang 47, Jalan Parak, RPN Panaga, Seria, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
27 Mac 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
5 Julai 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 2 Ogos 2023, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Ogos 2023, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
5 Julai 2023

**Mohammad Marzuqi bin Sabtu**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# IMBASAN MINGGUAN



PERSEMBAHAN padang Seni Mempertahankan Diri semasa Riadah Berbasikal Keputeraan 2023. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



MURID-murid Darjah VI Tahun 1444H / 2023M dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong (Sesi Pagi dan Petang) diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



GRADUAN Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang diraikan pada Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Kali Ke-11, Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi. - Foto : Hamzah Mohidin.



PERBARISAN Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-171 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Penanjong Garison. - Foto : Hamzah Mohidin.



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah 2023 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun, di Dewan Serbaguna Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

ANTARA aktiviti permainan sukan yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga TASKA YSHHB bertempat di The Collonade, Taman Permainan Jerudong Park. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman





RAKYAT dan penduduk tidak melepaskan peluang keemasan menyertai Riadah Berbasikal Keputeraan 2023 sekali gus mempraktikkan gaya hidup sihat. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

# TINGKAT KESEDARAN KEPENTINGAN KEBERSIHAN PANTAI

**Berita dan Foto : Ihsan Tinkerbell Learning School**




**SERAMAI 84 murid terdiri dari Tahun 5 dan Tahun 6 serta lima orang guru dari Tinkerbell Learning School (TLS) mengadakan Kempen Kebersihan di kawasan Pantai Muara.**

**MUARA,** Sabtu, 19 Ogos. - Bagi memanfaatkan aktiviti hari terakhir sebelum cuti persekolahan penggal kedua, seramai 84 murid terdiri daripada Tahun 5 dan Tahun 6 serta lima orang guru dari Tinkerbell Learning School (TLS) mengadakan Kempen Kebersihan di kawasan Pantai Muara, hari ini.

Hadir sama-sama memeriahkan kempen tersebut ialah pengetua sekolah berkenaan, Dayang Nurul Azimah binti Haji Abdul Rahman dan pengurus sekolah berkenaan, Ashieken Bartholomew.

Kempen Kebersihan tersebut diadakan bertujuan untuk memupuk semangat dan menerapkan kesedaran mengenai pentingnya memelihara keindahan pantai serta mengurangkan pencemaran dan juga mengurangkan jumlah plastik sampah yang memasuki kawasan lautan.

Selain itu, ia juga merupakan satu kepentingan bersama demi menjaga kebersihan alam sekitar. Islam sangat mengutamakan kebersihan dan adalah menjadi tanggungjawab setiap umat manusia untuk memelihara alam sekitar.

Dengan Kempen Kebersihan seumpama ini juga menjadi inspirasi bagi menjalankan tindakan yang lebih bersih demi untuk melindungi hidupan marin dan pantai.

## Sentiasa pantau hal ehwal kebajikan pekerja

**Siaran Akhbar : Jabatan Buruh**

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 19 Ogos. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Kuala Belait telah mengendalikan Operasi Kelinga 179/2023 di kawasan Jalan Mckerron pada 14 Ogos 2023 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Buruh, pemeriksaan pertama yang telah dijalankan di sebuah kedai gunting lelaki di kawasan Jalan Mckerron mendapati sebanyak satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 65 melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan.

Bagi kesalahan tersebut, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua, manakala bagi kesalahan ketiga ataupun jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

## Sertai Kempen Derma Darah

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Ogos. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan kempen-kempen derma darah di beberapa buah tempat di negara ini.

Pada Isnin, 21 Ogos 2023, Kempen Derma Darah akan berlangsung di Onecity Shopping Mall, Kampung Sungai Akar, bermula pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sementara Mid Valley Shopping Mall, Kampung Salambigar juga akan mengadakan kempen serupa pada Khamis, 24 Ogos 2023 dari pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Manakala, Kempen Derma Darah anjuran Pusat Pembangunan Belia, Kampung Tanah Jambu Sempena Hari Belia Kebangsaan akan diadakan pada Sabtu, 26 Ogos 2023 bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen-kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah tersebut adalah sangat digalakkan.

## Operasi Kelinga dapati beberapa kesalahan

**Siaran Akhbar : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Ogos. - Dalam menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Kelinga 181/2023 di Kampung Sungai Hanching dan Kampung Sungai Akar pada 14 Ogos 2023.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Buruh, pemeriksaan pertama yang telah dijalankan di sebuah kedai runcit di Kampung Sungai Akar telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 72 majikan gagal memberikan cuti sakit; Bab 82 gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas; Bab 112(1) menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh; dan Bab 112(2) kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing di mana seorang pekerja berjawatan sebagai Kitchen Helper jadi Pelayan, dan seorang pekerja berjawatan sebagai Pelayan membuat pekerjaan sebagai Juruwang dan Tukang Membuat Minuman.

Pemeriksaan kedua yang telah dijalankan di sebuah Salon di Kampung Sungai Hanching telah mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 39 gagal membayar gaji pekerja dan bayaran lebih masa; Bab 82 gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas; dan Bab 112(2) kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing di mana dua orang pekerja berjawatan sebagai Manicurist membuat pekerjaan sebagai Juruwang.

Bagi kesalahan tersebut, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua, manakala bagi kesalahan ketiga ataupun jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).






# Makanan beku anak damit jana pendapatan

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Ihsan Dayang Syumul Naila Dr. Haji Muhammad Hadi**

**PEMAKANAN** tambahan bagi anak damit di negara ini bermula pada umur enam bulan. Tekstur makanan bagi anak damit juga perlulah bersesuaian dengan keadaan anak damit itu.

Bagi ibu-ibu yang bekerja mungkin risau kerana perlu menyediakan setiap hari makanan yang bersesuaian itu. Tidak dinafikan di pasar raya-pasar raya ada juga terjual makanan anak damit berbentuk serbuk dan hanya menuang air panas sahaja ke atas serbuk itu.

Namun kebanyakan ibu-ibu lebih cenderung mahukan anak-anak mereka memakan makanan sebenar atau *real food*. Maksud *real food* di sini ialah memakan makanan yang tidak mempunyai proses masak yang berlebihan. Ia juga bebas dari bahan kimia tambahan yang tidak diperlukan.

Oleh itu ia lebih berkhasiat kerana kita tahu bahan-bahan yang digunakan. Kesihatan anak damit pun lebih terjaga kerana lebih banyak menyerap nutrisi yang terdapat pada makanan tersebut. Namun untuk memasak setiap hari makanan anak damit ini mungkin agak sukar bagi sesetengah ibu yang bekerja.

Ruangan Industri Kotej kali ini mendekati Dayang Syumul Naila binti Dr. Haji Muhammad Hadi, 35, yang mengusahakan makanan anak damit beku, yang setentunya boleh menyelesaikan masalah kaum ibu dalam memberikan makanan berkhasiat kepada anak damit mereka.

Bermula pada Oktober 2016, Dayang Syumul Naila mengusahakan makanan anak damit beku ini secara sepenuh masa. Beliau membuat produk-produk ini berdasarkan tempahan pelanggan yang dibuka setiap minggu.

Ditanya mengenai idea membuka perniagaan ini, beliau menjelaskan semuanya bermula pada tahun 2016 di mana ketika itu beliau mempunyai anak damit dan dalam masa yang sama, beliau juga menjadi *baby sitter* iaitu menjaga anak damit orang lain di rumah. Jadi beliau telah menyediakan makanan anak damit untuk anaknya sendiri dan anak yang dijaganya. Lalu ibu kepada anak damit tersebut sering menempah makanan itu untuk dibawa pulang ke rumah. Apabila beliau mengongsikannya ke laman Instagram, ia telah mendapat sambutan dalam kalangan ibu-ibu.

Ada tiga jenis makanan anak damit yang beliau tawarkan iaitu puri yang sesuai bagi anak damit berusia enam hingga tujuh bulan, bubur bagi anak damit berusia lapan bulan ke atas dan makanan jari bagi anak damit berusia 10 bulan ke atas.

Pada setiap jenis makanan itu pula, ada lagi pelbagai jenis yang boleh dipilih misalnya untuk jenis puri, beliau menawarkan puri epal, avocado, brokoli, lobak merah, buah pir, labu, ubi manis dan sebagainya. Selain puri satu jenis, terdapat juga jenis puri kombo yang sesuai dengan anak damit berusia tujuh bulan ke atas seperti epal dan lobak merah, labu dan epal, pir dan epal, pisang dan pir, kurma dan avokado, lobak merah dan labu, ubi manis dan pir serta lain-lain lagi. Manakala untuk anak damit berusia lapan bulan ke atas, beliau menawarkan ayam, brokoli dan keju; ayam, lobak merah dan labu; ayam dan jagung; ayam dan pir; ayam dan kurma; ayam dan bayam; ayam, kentang dan lobak merah; dan pelbagai lagi. Bagi makanan jari pula beliau menawarkan *nugget* ubi manis yang dicampur bersama ayam.

Apa yang penting semua makanan yang dibuat adalah tanpa garam, tanpa gula, tanpa serbuk perasa dan tanpa telur.

Harga bagi makanan yang dijual adalah sekitar BND1 hingga BND2 satu kontena, manakala BND6 satu paket bagi makanan jari. Semua menu yang ditawarkan bolehlah dilayari pada laman Instagram @babypuree.bn atau melalui WhatsApp +673 8366210.

Untuk proses pembuatan makanan anak damit ini, lazimnya ia memakan masa kira-kira lima ke tujuh jam untuk menyiapkan tempahan iaitu bermula dari proses mengupas, mengukus, mengadun dan membungkus. Untuk melancarkan proses pembuatan, beliau turut menggunakan beberapa gajet dapur seperti mesin pengisar *food processor* dan pengukus.

Beliau bersyukur kerana semua menu yang ada sering mendapat tempahan. Ini kerana selera anak damit adalah berlainan. Setiap minggu kira-kira 300 kontena makanan anak damit ditempah dan paling banyak adalah semasa negara dilanda pandemik COVID-19 iaitu kira-kira 700 ke 1,000 kontena setiap minggu.

Untuk mendapatkan bekalan buah-buahan dan protein segar, lazimnya beliau mendapatkannya melalui pasar raya-pasar raya di negara ini.

Ditanya mengenai cabaran yang pernah dihadapi, beliau menjelaskan pernah satu ketika bekalan elektrik terputus untuk tempoh yang agak lama menjadikan makanan anak damit yang disimpan di dalam peti sejuk beku turut rosak. Beliau ketika itu tidak mempunyai tempat lain untuk menyimpan makanan anak damit tersebut.

Dengan membuat perniagaan dari rumah ini, beliau bersyukur kerana sering mendapat pelanggan baru mahupun pelanggan yang berbalik semula membeli produk beliau *(return customer)*. Dari pendapatan ini beliau dapat membuat tabungan untuk simpanan masa hadapan. Paling menyeronokkan adalah apabila dapat membawa keluarga bercuti hasil daripada perniagaan tersebut.

Berniaga dari rumah juga memudahkan beliau meluangkan masa bersama anak-anak, menyaksikan anak-anak membesar di hadapan mata yang mana beliau lebih cenderung untuk membesarkan sendiri anak-anaknya.

Dengan adanya perniagaan seperti ini, ia dapat memberikan pilihan kepada ibu-ibu dan mereka juga lebih mudah memberi kepelbagaian makanan kepada anak damit mereka sepertimana yang disarankan, tanpa ada rasa kepayahan. Tambahan lagi ia sememangnya di buat oleh seorang ibu yang berpengalaman memberi makanan yang terbaik buat anak damitnya.

BERITA GLOBAL

# JERMAN: PEGAWAI POLIS CEDERA INSIDEN TERLEPAS TEMBAKAN PADA PERLAWANAN BUNDESLIGA

**BERLIN**, 20 Ogos. - Penemuan awal dalam siasatan pihak berkuasa mendapati seorang pegawai polis telah melepaskan tembakan secara tidak sengaja menggunakan senjata perkhidmatan, di luar perlawanan bola sepak Bundesliga Jerman antara Augsburg dan Borussia Monchengladbach pada petang Sabtu, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Polis dalam kenyataan media pada Sabtu malam berkata, tiada penyokong yang cedera dalam kejadian di Augsburg, Bavaria itu.

Polis berkata, tembakan itu dilepaskan sekitar 5:30 petang (1530) di kawasan berpagar di kawasan stadium.

Tiga pegawai mengalami trauma letupan dan seorang pegawai cedera. Sebuah kenderaan polis dan bas penyokong rosak dalam kejadian itu.

"Butiran kejadian kini sedang disiasat. Seperti biasa dalam kes sebegini, Pejabat Polis Jenayah Negeri Bavaria turut terlibat," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

# Britain : Jururawat didapati bersalah bunuh 7 bayi di hospital

**LONDON**, 19 Ogos. - Seorang jururawat Lucy Letby didapati bersalah membunuh tujuh bayi dalam unit neonatal ketika bekerja di Hospital Countess of Chester di barat laut England, kata polis pada Jumaat.

Susulan siasatan selama dua tahun, Polis Cheshire menahan jururawat berusia 33 tahun itu pada Julai 2018 di rumahnya dan pada awalnya membebaskannya dengan ikat jamin. Beliau ditangkap tiga kali lagi pada tahun-tahun berikutnya sebelum didakwa pada November 2020.

Siasatan bermula apabila terdapat peningkatan kejadian bayi hampir maut dan kematian bayi pramatang yang tidak dapat dijelaskan di hospital tempat wanita itu bekerja sebagai jururawat dari Jun 2015 hingga Jun 2016, lapor Agensi Anadolu.

Laporan polis menunjukkan Letby menyuntik bayi dengan udara dan susu berlebihan selain meracuni mereka dengan insulin.

Selepas perbicaran yang bermula pada Oktober 2022, beliau disabitkan bersalah membunuh tujuh bayi dan cuba membunuh enam bayi lain. Hakim kes itu turut mengeluarkan sekatan pelaporan sehingga perbicaraan selesai.

Pegawai penyiasat kanan Paul Hughes berkata: "Ini adalah siasatan tidak seperti yang lain - dalam skop, kerumitan dan magnitud. Kami terpaksa mengendalikannya sebagai 17 penyiasatan berasingan - kami biasanya terbiasa mengendalikan satu penyiasatan pembunuhan atau percubaan pembunuhan pada satu masa, apalagi sesuatu yang sebesar ini."

"Hari ini, keadilan telah ditegakkan. Tetapi keadilan ini tidak akan menghapuskan rasa sakit, kemarahan, dan kesusahan yang kami semua terpaksa alami," kata penyelaras perhubungan keluarga, Janet Moore semasa membacakan kenyataan bagi pihak keluarga mangsa di luar Mahkamah Crown Manchester.

Sementara itu, sebagai pembunuh bersiri kanak-kanak paling prolifik di Britain, Letby akan dijatuhi hukuman di mahkamah yang sama pada Isnin. - ©BERNAMA

# Jepun akan lebih telus dalam pelan pelepasan sisa air nuklear Fukushima

**KUALA LUMPUR**, 19 Ogos. - Jepun mengesahkan negara itu akan terus bersikap telus kepada masyarakat antarabangsa berhubung perancangan kontroversi Tokyo untuk melepaskan air terawat dari loji janakuasa nuklear Fukushima Daiichi ke Lautan Pasifik.

Lebih 1.33 juta meter padu air yang terkumpul di tapak itu sejak bencana nuklear 2011 disebabkan oleh gempa bumi, mungkin boleh dilepaskan ke laut paling awal pada musim panas ini.

Bagaimanapun, pelan itu, mencetuskan kebimbangan di seluruh dunia termasuk dari negara dan komuniti di rantau Asia Tenggara mengenai implikasi jangka panjang terhadap kesihatan dan alam sekitar.

Duta Misi Jepun ke ASEAN Masahiko Kiya berkata kerajaan Jepun bertindak secara proaktif berkongsi maklumat terkini mengenai pengendalian air terawat itu dengan pelbagai pihak.

"Kerajaan Jepun akan terus memberi maklumat yang diperlukan kepada masyarakat antarabangsa secara telus berdasarkan rumusan Laporan Komprehensif IAEA.

"Kami akan terus berusaha untuk memberi pemahaman kepada masyarakat antarabangsa berhubung pengendalian air terawat ALPS (Sistem Pemprosesan Cecair Canggih)," katanya kepada Bernama menerusi mesyuarat dalam talian dari pejabatnya di Jakarta, Indonesia.

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dalam laporan yang diterbitkan pada 4 Julai merumuskan bahawa pendekatan Jepun dalam pelepasan air terawat ALPS ke laut dan aktiviti berkaitan adalah konsisten dengan piawaian keselamatan antarabangsa yang berkaitan, dengan kesan radiologi terhadap manusia dan alam sekitar pada kadar yang rendah.

IAEA juga akan membuat semakan dan pemantauan tambahan seterusnya selepas pelepasan bermula.

Kiya berkata Jepun telah menganjurkan sesi taklimat untuk misi diplomatik di Tokyo, mengadakan sesi penerangan di persidangan antarabangsa termasuk yang dianjurkan oleh IAEA dan menyediakan maklumat dalam talian tentang keselamatan pelepasan air yang dirancang itu.

Di samping itu, Jepun juga menyediakan sesi taklimat individu kepada negara dan wilayah yang telah menyatakan minat yang mendalam mengenainya.

Di peringkat serantau, duta itu berkata misi itu juga sedang menjalankan taklimat dengan kerajaan dan komuniti di ASEAN serta menyebarkan maklumat terkini kepada penduduk
secara lebih luas di media sosial untuk membantu meredakan kebimbangan mengenai isu itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Kiya berkata "tiada perubahan dalam perancangan" pelepasan air mengikut jadual.

"Kerajaan Jepun akan membuat keputusan muktamad mengenai masa yang sesuai untuk pelepasan itu berdasarkan situasi jaminan keselamatan dan kemajuan tindakan balas terhadap reputasi kerosakan," katanya.

Walaupun tiada tarikh diumumkan setakat ini, media antarabangsa melaporkan Jepun sedang mempertimbang untuk melepaskan air antara akhir Ogos dan awal September.

Kyodo News melaporkan kerajaan Jepun dijangka menetapkan tarikh untuk mula melepaskan air selepas Perdana Menteri Fumio Kishida kembali daripada sidang kemuncak tiga hala dengan Amerika Syarikat dan Korea Selatan di Washington pada 20 Ogos. - ©BERNAMA

# 5 cedera dron Ukraine serang stesen kereta api Rusia

**MOSCOW**, 20 Ogos. - Gabenor Wilayah Kursk Roman Starovoit pada Ahad berkata sebuah dron Ukraine menyerang bangunan stesen kereta api bandar itu menyebabkan lima orang cedera ringan, lapor Sputnik.

"Menurut maklumat awal, serangan dron Ukraine di Kursk mengenai bumbung bangunan stesen kereta api mencetuskan kebakaran pada bumbung. Lima orang cedera ringan terkena serpihan kaca," kata gabenor itu di Telegram.

Starovoit berkata semua perkhidmatan operasi berada di tempat kejadian, sementara butiran kejadian sedang diperincikan.

Sementara itu Datuk Bandar Moscow Sergei Sobyanin pada malam Ahad berkata, pasukan pertahanan udara turut menghentikan sebuah dron Ukraine yang terbang ke Moscow dari arah selatan.

Meanwhile Moscow Mayor Sergei Sobyanin said that on Sunday night, air defence forces stopped a Ukrainian drone flying to Moscow from the south. - ©BERNAMA

# Bakar Al-Quran, Kedutaan Malaysia di Sweden keluar amaran

**KUALA LUMPUR**, 19 Ogos. - Kedutaan Malaysia di Sweden mengeluarkan amaran perjalanan untuk rakyat Malaysia yang tinggal atau melawat negara itu sebagai tindak balas terhadap peningkatan amaran keganasan ke tahap kedua tertinggi baru-baru ini.

Keputusan itu susulan rentetan penghinaan umum terhadap al-Quran, yang telah mencetuskan protes di pelbagai negara Islam dan ancaman daripada kumpulan militan.

Kedutaan melalui nasihat yang disediakan dalam akaun twitternya, menasihatkan rakyat Malaysia supaya berhati-hati dan sentiasa berwaspada pada sepanjang masa. Sekiranya berlaku kecemasan, individu digesa untuk menghubungi talian 112 untuk mendapatkan bantuan.

"Rakyat Malaysia juga dinasihatkan untuk mendaftar dengan Kedutaan Malaysia di Stockholm bagi memudahkan perkhidmatan komunikasi dan konsular," katanya.

Kedutaan Besar Malaysia di Stockholm boleh dihubungi di talian berikut: Alamat: Karlavagen 37, 114 31 Stockholm, Sweden, Telefon: + 46 8440 8400/+46 73 536 9152 atau E-mel: mwstockholm@kln.gov.my.

Media antarabangsa telah melaporkan bahawa Perkhidmatan Keselamatan Sweden, yang dikenali sebagai SAPO, menaikkan "tahap ancaman keganasan" kepada peringkat tinggi iaitu keempat daripada lima tahap, buat kali pertama sejak 2016.

Tindakan itu mencerminkan kebimbangan Sweden bahawa pembakaran al-Quran secara berulang pada tahun ini oleh segelintir aktivis anti-Islam telah menjadikan negara Scandinavia itu sebagai sasaran utama pelampau Islam. - ©BERNAMA

# Bas terbakar di Pakistan, 20 maut, 15 cedera

**ISLAMABAD**, 20 Ogos. - Sekurang-kurangnya 20 orang maut manakala 15 yang lain cedera pada Ahad selepas sebuah bas penumpang bertembung dengan sebuah kenderaan dan terbakar di daerah Hafizabad di wilayah Punjab timur Pakistan, lapor pegawai penyelamat dan kesihatan.

Pasukan penyelamat berkata, kemalangan itu berlaku pada awal pagi di jalan raya di Faisalabad Toll Plaza selepas bas penumpang bertembung dengan sebuah van pikap membawa bekas berisi bahan bakar yang mencetuskan kebakaran, lapor Xinhua.

Sebaik menerima maklumat itu, anggota penyelamat segera ke lokasi dan memindahkan mangsa ke hospital tempatan, kata pasukan penyelamat.

Sebahagian daripada mangsa yang cedera melecur teruk manakala tiga daripada mereka dalam keadaan kritikal, tambahnya.

Kira-kira 40 penumpang menaiki bas itu, menurut pasukan penyelamat.

Dilaporkan bas malang itu sedang dalam perjalanan dari bandar pelabuhan selatan negara itu, Karachi, ke ibu negara Islamabad. - ©BERNAMA

# Lebih 2,000 maut di India akibat banjir, insiden lain berkaitan hujan sejak April

**NEW DELHI**, 19 Ogos. - Banjir, tanah runtuh dan kejadian lain berkaitan hujan telah menyebabkan lebih daripada 2,000 orang terbunuh di India pada musim monsun ini, menurut data rasmi.

Negeri Bihar merekodkan angka kematian tertinggi dalam kalangan semua negeri, diikuti 330 kematian di Himachal Pradesh dan 165 di negeri Gujerat dalam tempoh kira-kira empat bulan.

Menurut data Kementerian Dalam Negeri yang dipetik Agensi Berita PTI, sebanyak 892 orang mati lemas di seluruh negara akibat banjir, 506 orang maut akibat kilat manakala 186 orang maut akibat tanah runtuh dari 1 April hingga 17 Ogos.

Sebab-sebab lain berkaitan dengan hujan disalahkan atas 454 kematian.

Hujan lebat juga menyebabkan kekacauan di Himachal Pradesh, Uttarakhand, Haryana, Punjab dan barat Uttar Pradesh pada Jun dan Julai.

Himachal Pradesh dan Uttarakhand sedang berdepan dengan gelombang hujan lebat yang lain, mengorbankan berpuluh-puluh orang dan memusnahkan jalan, jambatan, tanaman dan rumah dalam beberapa hari kebelakangan ini.

Anggaran kerugian kewangan di Himachal Pradesh sahaja adalah sekitar US$1.2 bilion. - ©BERNAMA

# ATLET ESB SERTAI KEJOHANAN ESPORTS DUNIA

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BERAKAS**, Ahad, 20 Ogos. - Persatuan Esports Brunei (ESB) hari ini menghantar enam atlet serta seorang pegawai untuk menyertai Kejohanan Esports Dunia Persekutuan Esports Antarabangsa (IESF) untuk tahun ke-2 berturut-turut.

Skuad kebangsaan PUBG MOBILE yang sebelum ini memenangi pingat perak pada kejohanan dunia tahun lepas di Bali, Indonesia kini bersedia untuk tampil dengan sasaran mereka di pentas kejohanan yang akan diadakan di Lasi, Romania bermula 24 Ogos hingga 3 September depan di Palace of Culture.

Ketua pasukan, Muhd Safwan Hakimi menjelaskan bahawa sasaran mereka untuk tahun ini adalah untuk mengatasi pencapaian mereka daripada tempat ke-2 pada tahun lepas dan berharap untuk mencapai pingat emas dan menebus kekalahan semasa bertanding dengan Kazakhstan.

"Saingan terbesar kami ialah Kazakhstan dan juga Mongolia yang kelihatan sangat kuat daripada kejayaan baru-baru ini dalam pertandingan serantau. Kami tidak akan memandang rendah semua pasukan lain yang berjaya melayakkan diri ke Kejohanan Dunia ini kerana setiap pasukan mempunyai kekuatan tersendiri jadi kami hanya perlu fokus pada permainan dan kelebihan kami sendiri.

"Kami telah berlatih keras beberapa bulan ini dengan menganalisis permainan kami sendiri dan memperbaiki kelemahan kami dan pada masa yang sama mengkaji bagaimana pasukan lain bermain supaya kami boleh menggunakannya untuk kelebihan kami," katanya.

Manakala Setiausaha Agung ESB, Hawaii Yee menyatakan, para atlet telah menunjukkan dedikasi dalam latihan mereka beberapa bulan kebelakangan ini dan diharapkan semasa pertandingan itu mereka dapat mempamerkan prestasi yang lebih baik lagi.

"Kami percaya bahawa pasukan kita cukup bagus untuk menamatkan saingan di pentas kejohanan seperti yang ditunjukkan tahun lalu, akan tetapi atlet perlu percaya pada diri sendiri dan yakin dengan kemahiran mereka sendiri," tambahnya.



SERAMAI enam atlet serta seorang pegawai akan menyertai Kejohanan Esports Dunia Persekutuan Esports Antarabangsa di Lasi, Romania bermula 24 Ogos hingga 3 September depan di Palace of Culture.

Selain PUBG MOBILE, kontinjen negara juga akan menyertai permainan Tekken 7 yang diwakili oleh Muhd Hafiy Mirza bin Haji Mohd Shafiee (Hafey) dan eFootball 2023 diwakili oleh Muhd Abdul Qawiy Wafiyuddin bin Haji Zulaihee (MrTanakaV2).

Muhd Hafiy Mirza akan berusaha untuk meningkatkan penampilan terbaik dalam penamat 16 Terbaik dari pertandingan tahun lalu dan menyasarkan untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada apa yang dicapainya sebelum ini terutama sekali untuk menumpaskan peserta Jepun dan Arab Saudi yang telah menewaskannya pada edisi tahun lalu dan seterusnya berharap semoga tahun ini dapat bersaing dengan mereka sekali lagi bagi menebus kekalahannya.

"Saya telah berlatih setiap hari dengan beberapa pemain terbaik di Brunei dan juga negara Asia Tenggara yang lain jadi saya harap ini dapat memberi saya rangsangan tambahan yang saya perlukan untuk beraksi lebih baik tahun ini dalam kejohanan dunia," kata Muhd Hafiy Mirza.

Sementara Muhd Abdul Qawiy Wafiyuddin menyasarkan untuk layak ke pusingan kalah mati tahun ini selepas tersingkir di peringkat kumpulan pada edisi tahun lalu.

"Sasaran saya tahun ini adalah mara ke pusingan kalah mati dan akhirnya memenangi keseluruhan pertandingan. Semua atlet lain yang bertanding adalah sangat berpengalaman dan telah bertanding di peringkat profesional jadi ia bukan satu tugas yang mudah.

"Saya telah berlatih setiap hari untuk bersiap sedia bagi pertandingan ini tetapi selalunya kegelisahan pertandingan yang akhirnya boleh menimpa saya. Saya harap tahun ini saya lebih bersedia dan menunjukkan potensi sebenar saya di peringkat antarabangsa," tambah atlet eFootball itu.

Bagi pihak ESB, Hawaii Yee melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penaja iaitu YOUC1000 dan DST kerana menyokong dalam kebajikan demi perkembangan demi pertandingan atlet ke Iasi, Romania kali ini serta sokongan dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Rombongan bagi Kejohanan Esports Dunia IESF ke-15 Rasmi dibarisi oleh Ketua Pasukan - Hawaii Yee; para peserta PUBG MOBILE terdiri daripada Muhd Safwan Hakimi bin Abdullah Husaini, Md Hadif Fadhli Haji Sufari, Md Danish Haqeeme Hizami bin Muhaimin dan Md Danial Hadhrami Safiuddin bin Muhaimin. Manakala peserta Tekken 7 iaitu Md Hafiy Mirza bin Haji Mohd Shafiee dan peserta eFootball 2023 ialah Md Abdul Qawiy Wafiyuddin Haji Zulaihee.

# Kejohanan badminton Terbuka West Lake labuh tirai

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TUTONG,** Ahad, 20 Ogos. - Seramai lebih daripada 150 peserta mengikuti kejohanan badminton yang mempertandingkan sebanyak 29 kategori pada Terbuka West Lake Kali Ke-8 2023 yang berlangsung selama empat hari bermula 17 Ogos yang lalu.

Sehubungan itu, perlawanan akhir bagi kejohanan berkenaan diadakan petang tadi bertempat di Dewan Badminton Chung Hwa School Kiudang, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan akhir berkenaan ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Atur cara dimulakan dengan tetamu kehormat diperkenalkan kepada para peserta kejohanan berkenaan, diikuti dengan sesi bergambar ramai, sebelum kejohanan akhir dimulakan.





PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan akhir kejohanan badminton Terbuka West Lake Kali Ke-8 2023 (atas). Sementara gambar bawah kiri, antara aksi perlawanan pada kejohanan tersebut.

Desmond Anthony Samin muncul juara Kategori Perseorangan Lelaki Terbuka, diikuti dengan Vielson Dean Jumbol dan Mohamad Iqbal Asyraf bin Mohamad yang menduduki tempat kedua dan ketiga.

Manakala, bagi Kategori Beregu Lelaki Terbuka pula, Eddrall Atek dan Neville Baptist Luaran menduduki tempat pertama yang diikuti oleh Kam Sing Siong dan Chen Kai Hoong di tempat kedua, sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Mohamad Iqbal Asyraf bin Mohamad dan Pengiran Abdul Halim Al Hakim bin Pengiran Haji Ismail.

Kategori Beregu Campuran Terbuka pula dijuarai oleh Adrina Anscelly dan Eddrall Atek, yang mana tempat kedua dimenangi oleh Desmond Anthony Samin dan Petricia Eleng Samin, manakala Arena Satu Samin dan Muhammad Dzakwan Saifullah Sia di tempat ketiga.

Juara bagi Kategori Perseorangan Wanita Terbuka pula disandang oleh Arena Satu Samin, yang mana tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Siti Nurhayati binti Mohd. Jefri dan Istchi Meij Reciproco Borro.

Sementara, Kategori Beregu Wanita Terbuka pula dijuarai oleh Adrina Anscelly dan Petricia Eleng Samin, manakala naib juara pula dimenangi oleh Chieng Mei Ling dan Katrina Aguirre Robertson, diikuti dengan Leong Mei Fong dan Izzah Nazurah binti Abdul Rahman di tempat ketiga.

Kejohanan antara lain diadakan untuk memberikan impak positif kepada masyarakat melalui sukan badminton, selain untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada semua pemain badminton tanpa mengira umur dan jantina.

Ia juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pemain-pemain badminton, serta untuk mewujudkan sistem yang mampan dalam kesinambungan penganjuran pada masa akan datang.



# AKSE Bersatu menang bergaya

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Ahad, 20 Ogos. - AKSE Bersatu berjaya menewaskan Setia Perdana FC 5 - 1 pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2023 yang berlangsung di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Dua gol AKSE Bersatu dijaringkan pada separuh masa pertama oleh Vouzon Christ Max Junior pada minit ke-10 diikuti pada minit ke-23 menerusi Mohammad Kasyfil Anuar Zamain.

Sebaik separuh masa kedua berjalan, Vouzon Christ Max Junior sekali lagi menjaringkan dua gol buat AKSE Bersatu pada minit ke-64 dan ke-72.

Pada minit ke-84, Abiodun Fatai Babatunde menggegarkan gawang Setia Perdana FC.

Selang beberapa minit, Setia Perdana FC pula menggembirakan penyokong-penyokongnya dengan menyudahkan satu gol ke gawang AKSE Bersatu pada minit-minit terakhir menerusi tendangan Md Zulfadzley Julaihi sebelum wisel penamat dibunyikan.



AKSI perlawanan di antara AKSE Bersatu dan Setia Perdana FC pada perlawanan Liga Super Brunei 2023.

# AMO MIXED FT JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK




**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada Pasukan Amo Mixed FT, juara Kejohanan Bola Sepak (7) Sepasukan Perayaan Hari Keputeraan Terbuka Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Ahad, 20 Ogos. - Pasukan Amo Mixed FT muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak (7) Sepasukan Perayaan Hari Keputeraan Terbuka Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Temburong, berlangsung di Padang Kompleks Sukan Temburong, Batu Apoi, Daerah Temburong.

Dalam perlawanan akhir itu, Pasukan Amo Mixed FT berjaya menewaskan Pasukan DDT dengan sepakan penalti setelah kedua-dua pasukan berakhir dengan keputusan seri.

Pasukan Amo Mixed FT membawa pulang *mock cheque* berjumlah BND400 berserta trofi sementara naib juara disandang oleh Pasukan DDT dengan menerima *mock cheque* berjumlah BND200 berserta trofi.

Manakala tempat ketiga bersama disandang oleh Pasukan Sungai Tanit FC dan Pasukan GBR FT, yang masing-masing menerima *mock cheque* bernilai BND100.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Kejohanan anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong; Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (FABD); Temburong Amateur Football Association (TAFA) dan Belia Permata Hijau itu disertai oleh 16 pasukan yang terdiri daripada pemain dan pasukan dari Daerah Temburong dengan menggunakan format Liga Kumpulan dan System Knock Out.

Terdahulu, pada sebelah pagi, Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim hadir bagi melancarkan kejohanan tersebut dan juga turut serta bermain di dalam perlawanan persahabatan pembukaan di antara pasukan dari Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong.

Perlawanan diadakan dalam Liga Kumpulan yang dibahagikan kepada empat kumpulan, di mana dua pasukan teratas setiap kumpulan layak ke Peringkat Suku Akhir.

Di antara objektif kejohanan tersebut diadakan adalah bagi menyemarakkan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan, mengenal pasti pemain-pemain yang berbakat dan berpotensi di Daerah Temburong serta mendedahkan para pemain bermain di dalam satu pasukan dan bersaing di dalam kejohanan yang berprestij.

## Cabaran 80 Bilion Langkah Bersama kini bermula

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**>> Muka 24**

Ciri-ciri baru yang diperkenalkan dalam BN on the Move iaitu selain dari pengiraan jumlah langkah setiap hari, pengguna akan dapat melaporkan pelbagai jenis kegiatan fizikal dan senaman termasuk aktiviti kesukanan seperti berenang, berbasikal dan juga aktiviti di dalam gimnasium di dalam BN on the Move; Gamification yang menyediakan pertandingan atau cabaran-cabaran bagi individu dan secara berpasukan bagi mendorong pengguna untuk lebih melibatkan diri dan berdaya saing dalam melakukan kegiatan fizikal; membolehkan pengguna berinteraksi dengan pengguna yang lain, melalui sistem *leaderboard* sebagai motivasi bersama; Sistem mata *Brupoints* akan dikenalkan sebagai insentif untuk meningkatkan kegiatan fizikal yang akan menjana mata *Brupoints* mengikut jenis aktiviti pengguna dengan menawarkan pelbagai insentif (Ganjaran / *rewards*) secara digital dan fizikal yang boleh diperoleh apabila pengguna telah memenuhi sasaran kegiatan fizikal secara individu dan juga berpasukan.

Mata *(points)* yang dikumpulkan berfungsi sebagai insentif bagi mendorong pengguna untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif secara berterusan. Sistem mata insentif ini dikenali sebagai BruPoints Mall.



**PEGAWAI Perubatan Kanan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Norhayati bin Haji Ahmad.**

# Lumut Lunting juara Kejohanan Sukan SM SMJA



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,**
**Ihsan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam**




**PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim bergambar bersama pemenang rumah-rumah pada Kejohanan Sukan bagi Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) Kali Ke-34 (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, antara aktiviti pada kejohanan tersebut. Manakala gambar bawah, persembahan daripada Kelab CCA Shorinji Kempo SM SMJA.**



**BERAKAS**, Sabtu, 19 Ogos. - Rumah Sukan Lumut Lunting menunjukkan kehebatan ahli pasukannya untuk bergelar juara pada hari terakhir Kejohanan Sukan antara rumah-rumah Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) Kali Ke-34, Tahun 2023 yang berlangsung di Padang Kebajikan Kompleks Sukan Berakas, hari ini.

Juara yang mendominasi dengan mengutip 21 pingat emas, 19 perak dan 14 gangsa itu menepikan Rumah Sukan Pulau Chermin di tempat kedua, manakala pemenang ketiga dan keempat, masing-masing dimenangi oleh Rumah Sukan Jong Batu dan Rumah Sukan Berambang.

Hadir menyempurnakan pelancaran majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang di sini ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Acara didahului dengan perbarisan lintas hormat dan persembahan daripada kontinjen rumah-rumah sukan SM SMJA diikuti dengan bacaan ikrar dan kemudiannya persembahan dari Kelab CCA Shorinji Kempo SM SMJA.

Kejohanan tersebut berlangsung selama empat hari bermula Selasa, 15 Ogos lalu dengan didahului Acara Cross Country dan seterusnya dengan pelbagai kategori acara sukan yang di pertandingan sehingga hari terakhir.

Beberapa pasukan jemputan turut menyerikan kejohanan itu antaranya dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri (SMPDSM), Kampung Mentiri, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien serta ekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# CABARAN 80 BILION LANGKAH BERSAMA KINI BERMULA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelepasan bagi acara walkaton 'BN on the Move' (kiri) manakala gambar kanan, antara yang menyertai acara walkaton berkenaan.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Ogos. - 'Kempen 80 Bilion Langkah Bersama' dihasrat akan dapat mencapai matlamat dengan penglibatan masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD), yang dijalankan sehingga penghujung bulan Disember tahun ini.

Perkara demikian dijelaskan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Norhayati binti Haji Ahmad semasa ditemui pada Majlis Pelancaran 'BN on the Move' 2023 terbaharu.

"BN on the Move merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan dalam mendorong masyarakat NBD untuk meningkatkan dan mengekalkan kegiatan fizikal mereka. Ia seterusnya akan dapat menyumbang kepada penurunan atau khususnya mengurangkan risiko penyakit-penyakit yang tidak berjangkit," jelasnya.

Tambahnya, setiap pergerakan itu adalah penting, dengan harapan masyarakat negara ini akan sama-sama mencapai 80 bilion langkah bersama sehingga hujung tahun ini.

'Kempen 80 Bilion Langkah Bersama' sempena Majlis Pelancaran 'BN on the Move' terbaharu dilancarkan pagi tadi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, semasa Program Bandarku Ceria.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelepasan bagi acara walkaton 'BN on the Move' ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir, Yang Berhormat Menteri-Menteri di Kementerian-Kementerian Negara Brunei Darussalam.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa selamat oleh Guru Kanan I, Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Mohd Emmarul bin Haji Azamain, dan seterusnya sesi pemanasan badan beramai-ramai.

Acara walkaton sejauh 6 kilometer bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sehingga Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan kembali semula ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Seterusnya, tetamu kehormat kemudian menyaksikan pameran-pameran kesihatan dan teknologi daripada rakan-rakan usaha sama yang terlibat dengan menjayakan acara BN on the Move.

BN on the Move yang terbaharu adalah kesinambungan dari inisiatif BN on the Move yang pertama yang telah dilancarkan tahun lepas pada 14 Ogos 2022.

Kempen BN on the Move yang terbaharu itu bermula pada bulan ini dan akan berakhir pada bulan Disember tahun ini.

Berdasarkan kejayaan BN on the Move Versi Pertama, BN on the Move yang terbaharu diubah suai dengan meluaskan skop untuk meliputi pelbagai jenis kegiatan fizikal serta senaman, menarik orang ramai untuk terus menggunakan aplikasi BruHealth dan juga akan menawarkan pengalaman pengguna yang dipertingkatkan dengan ciri-ciri tambahan seperti pertandingan berkumpulan dan sistem mata insentif.

**>> Muka 23**

# 45 sertai Pantai Pengkalan Pinang Mountain Bike Challenge 2023



AHLI Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelepasan Perlumbaan 'Pantai Pengkalan Pinang Mountain Bike (MTB) Challenge' 2023 yang berlangsung di Pantai Persiaran Pengkalan Pinang, Kampung Penanjong.

**Oleh : Dk Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Azmah Hj Ahad**

**TUTONG**, Ahad, 20 Ogos. - Majlis Perundingan Kampung Penanjong buat julung kalinya mengadakan Perlumbaan 'Pantai Pengkalan Pinang Mountain Bike (MTB) Challenge' 2023 yang berlangsung di Pantai Persiaran Pengkalan Pinang, Kampung Penanjong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelepasan perlumbaan berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan pada perlumbaan tersebut iaitu Kategori Lelaki Terbuka; Kategori Masters 45 Tahun Ke Atas; dan Kategori Veteran 50 Tahun Ke Atas.

Bagi Kategori Lelaki Terbuka melalui lima pusingan dengan jarak jauh 19 kilometer (km), manakala bagi Kategori Masters 45 Tahun Ke Atas dan Kategori Veteran 50 Tahun Ke Atas melalui empat pusingan dengan jarak jauh 15 km.

Seramai 45 peserta menyertai perlumbaan yang bermula dan berakhir di pantai berkenaan.

Ketua Kampung Penanjong, Awang Muhammad Ariffin bin Haji Akip dalam ucapannya antara lain menjelaskan tujuan acara perlumbaan itu diadakan adalah untuk sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Di samping itu katanya, ia juga bagi memperkenalkan Pantai Persiaran Pengkalan Pinang yang boleh dijadikan salah satu tempat atau *venue* perlumbaan basikal *mountain bike* (*cross country*) selain memperkenalkan keindahan pantai berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA MENJAGA KESELAMATAN SEMASA MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN